



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

---

Aktiviti Jabatan/Agensi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
NEGERI TERENGGANU

SIRI 2

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





---

# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
PEJABAT TANAH DAN GALIAN Pengurusan Tanah Rizab Melayu	3
PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU PEJABAT DAERAH DUNGUN PEJABAT DAERAH BESUT Pengurusan Pembangunan Dan Penyenggaraan Balai Raya	10
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU Pengurusan Perolehan	26
TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD. Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.	42
<b>PENUTUP</b>	63





---

# KATA PENDAHULUAN





# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Terengganu.

2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2013 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana dihasratkan oleh Kerajaan.

3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 4 Jabatan, 2 Agensi dan satu Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 3 aktiviti dan satu pengurusan syarikat dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Terengganu Tahun 2013 Siri 2 ini iaitu Pengurusan Tanah Rizab Melayu, Pengurusan Pembangunan dan Penyenggaraan Balai Raya, Pengurusan Perolehan dan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 12 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**7 Mei 2014**



---

# INTISARI LAPORAN



## AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. PEJABAT TANAH DAN GALIAN

#### - Pengurusan Tanah Rizab Melayu

1.1. Enakmen Rizab Melayu Terengganu Bil.17 Tahun 1360H (Enakmen) telah diwujudkan pada 8 November 1941 bagi menyatukan undang-undang berhubung dengan Rizab Melayu dan untuk mengadakan keselamatan kepada orang-orang Melayu mengenai kepentingan mereka ke atas tanah. Seksyen 5 Enakmen Rizab Melayu Terengganu menyatakan mana-mana tanah Kerajaan, hutan rizab, tanah yang dirizabkan bagi maksud awam atau tanah yang diberi milik di bawah Kanun Tanah Negara atau mana-mana undang-undang yang terdahulu atau yang diduduki di bawah tuntutan pemilikan yang direkodkan di bawah *Settlement Enactment*, boleh dimasukkan ke dalam suatu Rizab Melayu. Sehingga akhir tahun 2013, kawasan Rizab Melayu di Negeri Terengganu hanya terdapat di Kuala Berang dalam Daerah Hulu Terengganu dengan keluasan 118.21 hektar. Manakala keluasan tanah pegangan Melayu yang tidak termasuk dalam kawasan Rizab Melayu di semua daerah di Negeri Terengganu adalah 864,904.61 hektar.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati pengurusan Tanah Rizab Melayu adalah memuaskan dari segi kewujudan Enakmen Rizab Melayu Terengganu yang berfungsi melindungi dan memastikan tanah milik Melayu kekal menjadi milik Melayu tanpa dapat dilupus/pindah milik dengan apa jua cara kepada bukan Melayu. Bagaimanapun, didapati keluasan kawasan Rizab Melayu adalah terlalu kecil berbanding tanah Negeri, tanah Rizab Melayu yang diganti tidak serupa jenis dan dokumen hak milik/geran tanah Rizab Melayu tidak dibuat peringatan 'Kawasan Rizab Melayu'.

1.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, PTG adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Menambah keluasan kawasan Rizab Melayu di Negeri Terengganu dan memastikan tanah Rizab Melayu yang diganti adalah serupa jenis atau sekurang-kurangnya dalam kategori yang sama dengan tanah yang telah dibatalkan.

1.3.2. Memastikan kesemua geran tanah Rizab Melayu dibuat peringatan 'Kawasan Rizab Melayu' dan menyediakan Daftar Tanah Rizab Melayu bagi menyimpan maklumat mengenai tanah rizab yang berkaitan.

## **2. PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU**

### **PEJABAT DAERAH DUNGUN**

### **PEJABAT DAERAH BESUT**

#### **- Pengurusan Pembangunan Dan Penyenggaraan Balai Raya**

**2.1.** Pejabat Daerah bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyenggaraan balai raya di daerah masing-masing. Peruntukan pembangunan dan penyenggaraan balai raya disediakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) manakala Pejabat-pejabat Daerah bertindak sebagai Agensi Pelaksana di mana Pegawai Daerah adalah merupakan Pegawai Penguasa. Perolehan projek tersebut dibuat secara pembelian terus atau sebut harga. Pentadbiran balai raya setelah siap dibina diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK), manakala JKKK dipertanggungjawabkan kepada penghulu.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati pada keseluruhannya pencapaian pengurusan pembangunan dan penyenggaraan balai raya bagi 3 Daerah adalah baik kerana Pejabat Daerah telah berjaya membina kesemua 81 dan menyenggara 27 balai raya yang dirancang untuk tempoh 2011 hingga 2013. Prestasi penggunaan juga adalah baik. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Balai raya lewat disiapkan tanpa permohonan tempoh lanjutan masa.
- Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan tidak dikenakan.
- Reka bentuk balai raya kurang sesuai.
- Pembangunan balai raya di atas tanah individu.
- Balai raya tidak diselia dan disenggarakan.

**2.3.** Bagi mempertingkatkan lagi tahap Pengurusan Pembangunan Dan Penyenggaraan Balai Raya adalah disyorkan tindakan seperti berikut:

**2.3.1.** Pejabat Daerah perlu memantau projek pembinaan balai raya bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek dan memastikan kualiti dan kemas kerja dipatuhi serta reka bentuk yang sesuai supaya aktiviti mudah dijalankan.

**2.3.2.** Pejabat Daerah perlu memastikan bangunan balai raya didirikan di atas tanah kerajaan untuk mengelakkan kerugian sekiranya pemilik tanah membuat tuntutan terhadap tanah tersebut.

**2.3.3.** Pejabat Daerah perlu memastikan penglibatan Penghulu dipertingkatkan bagi menghidupkan aktiviti komuniti di balai raya.

**2.3.4.** Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk senggaraan bagi memastikan balai raya berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

**3. MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN  
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU  
- Pengurusan Perolehan**

**3.1.** Perolehan kerja dan bekalan dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah disalurkan melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Pada tahun 2011 hingga 2013, Majlis Perbandaran Dungun (MPD) dan Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) telah melaksanakan perolehan kerja dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM121.07 juta. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 12 perolehan kerja yang berjumlah RM59.72 juta dilaksanakan melalui kaedah tender manakala 299 atau RM35.84 juta perolehan melalui kaedah sebut harga dan 4,695 perolehan kerja dan bekalan yang berjumlah RM25.51 juta dilaksanakan melalui kaedah perolehan terus (termasuk sebanyak 66 perolehan atau RM7.80 juta adalah melalui kaedah rundingan terus).

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan adalah baik. Sungguhpun begitu didapati kes-kes di mana terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan, perolehan yang dibuat tidak mencapai matlamat dan perolehan tidak mematuhi peraturan/syarat kontrak yang ditetapkan.

**3.3.** Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan perolehan, adalah disyorkan:

**3.3.1.** MPD dan MDHT hendaklah merancang perolehan dengan teliti supaya aset yang diperolehi digunakan sewajarnya.

**3.3.2.** MPD dan MDHT hendaklah memastikan sebut harga dibuka dengan segera supaya proses lantikan kontraktor dan perolehan dapat dijalankan sebagaimana dijadualkan.

**3.3.3.** MDHT hendaklah memastikan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

**4. TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.  
- Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.**

**4.1.** Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 November 1997. Syarikat ini ditubuhkan berikutan pengkorporatan aktiviti bekalan air Negeri Terengganu. Pada awal penubuhannya, SATU mempunyai 2 pemegang saham sebelum diambil alih oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) dengan

pegangan saham berjumlah RM50.0 juta. Pada 30 Mei 2007, pemilikan saham ini telah dipindahkan kepada Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB). Dengan pemindahan ini, SATU menjadi anak syarikat kepada TISB. Saham yang dibenarkan adalah berjumlah RM100.0 juta dan sehingga 31 Disember 2012 saham berbayar berjumlah RM100.0 juta dipegang sepenuhnya oleh TISB.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Namun begitu prestasi SATU menunjukkan kedudukan kewangan yang kurang memuaskan kerana mengalami kerugian bagi tempoh 5 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2008 hingga 2012. Jumlah kerugian yang semakin meningkat bermula pada tahun 2008 menjadikan SATU mempunyai kerugian terkumpul berjumlah RM59.09 juta serta nilai ekuiti berjumlah RM40.91 juta selepas berlaku penambahan modal berbayar RM50.0 juta pada tahun 2012. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Penutupan Loji Rawatan Air Tasik Kenyir.
- Kerugian dalam pelaburan.
- Pelarasan hutang dengan Kerajaan Negeri belum mendapat kelulusan.
- Bayaran sewa pajak tidak mematuhi perjanjian.
- Pelaksanaan *Integrity Pack* dalam perolehan tidak dipatuhi.
- Pengurusan aset lemah.

**4.3.** Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan SATU mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan tindakan berikut diambil:

**4.3.1.** SATU hendaklah membuat penjagaan dan pemeliharaan terhadap loji rawatan air Tasik Kenyir dan peralatannya untuk mengelakkan ianya terbiar dan mengalami kerosakan.

**4.3.2.** SATU sepatutnya mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu untuk memindahkan hutang kepada saham berbayar dan persetujuan kerajaan untuk pengurangan bayaran hutang pada setiap tahun dan perlu mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

**4.3.3.** SATU perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan semua aset yang usang diambil tindakan pelupusan mengikut peraturan sedia ada.





---

# AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



## PEJABAT TANAH DAN GALIAN

### 1. PENGURUSAN TANAH RIZAB MELAYU

#### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Enakmen Rizab Melayu Terengganu Bil.17 Tahun 1360H (Enakmen) telah diwujudkan pada 8 November 1941 bagi menyatukan undang-undang berhubung dengan Rizab Melayu dan untuk mengadakan keselamatan kepada orang-orang Melayu mengenai kepentingan mereka ke atas tanah.

1.1.2. Rizab Melayu ertinya suatu rizab yang diisytihar dan diwartakan di bawah peruntukan-peruntukan enakmen ini. Seksyen 5 Enakmen Rizab Melayu Terengganu menyatakan mana-mana tanah Kerajaan, hutan rizab, tanah yang dirizabkan bagi maksud awam atau tanah yang diberi milik di bawah Kanun Tanah Negara atau mana-mana undang-undang yang terdahulu atau yang diduduki di bawah tuntutan pemilikan yang direkodkan di bawah *Settlement Enactment*, boleh dimasukkan ke dalam suatu Rizab Melayu. Seksyen 2 Enakmen Rizab Melayu Terengganu menetapkan mana-mana tanah desa berkeluasan kurang dari 10 ekar yang dimiliki oleh orang Melayu atau syarikat pegangan Melayu adalah menjadi tanah Pegangan Melayu. Objektif Rizab Melayu diperuntukkan adalah bagi menyekat tanah Kerajaan dan tanah Pegangan Melayu di dalam kawasan Rizab Melayu daripada dilupuskan kepada bukan Melayu.

1.1.3. Sultan dalam Mesyuarat pada bila-bila masa dengan pengisytiharan yang disiarkan dalam warta boleh meminda had-had atau sempadan Rizab Melayu, membatalkan pengisytiharan dan memasukkan ke dalam mana-mana Rizab Melayu mana-mana tanah yang terkeluar daripadanya.

1.1.4. Sehingga akhir tahun 2013, Kawasan Rizab Melayu di Negeri Terengganu hanya terdapat di Kuala Berang dalam Daerah Hulu Terengganu dengan keluasan 118.21 hektar. Manakala keluasan tanah pegangan Melayu yang tidak termasuk dalam kawasan Rizab Melayu di semua daerah di Negeri Terengganu adalah 864,904.61 hektar.

#### 1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Tanah Rizab Melayu di Negeri Terengganu telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

### 1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Tanah Rizab Melayu bagi tempoh 2011 hingga 2013 meliputi aspek perekodan, pelupusan, urus niaga persendirian dan pewartaan di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu (PTG). Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen. Temu bual dengan pegawai terlibat turut dijalankan. Lawatan ke tapak tanah di Daerah Hulu Terengganu turut dijalankan.

### 1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati pengurusan Tanah Rizab Melayu adalah memuaskan dari segi kewujudan Enakmen Rizab Melayu Terengganu yang berfungsi melindungi dan memastikan tanah milik Melayu kekal menjadi milik Melayu tanpa dapat dilupus/pindah milik dengan apa jua cara kepada bukan Melayu. Bagaimanapun, didapati keluasan kawasan Rizab Melayu adalah terlalu kecil berbanding tanah Negeri, tanah Rizab Melayu yang diganti tidak serupa jenis dan dokumen hak milik/geran tanah Rizab Melayu tidak dibuat peringatan 'Kawasan Rizab Melayu'. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

#### 1.4.1. Pembatalan Kawasan Rizab Melayu

**1.4.1.1.** Mengikut Seksyen 4 Enakmen, Sultan dalam Mesyuarat pada bila-bila masa dengan pengisytiharan yang disiarkan dalam warta boleh meminda had-had atau sempadan Rizab Melayu, membatalkan pengisytiharan dan memasukkan ke dalam mana-mana Rizab Melayu mana-mana tanah yang terkeluar daripadanya.

**1.4.1.2.** Semakan Audit mendapati kawasan Rizab Melayu di Negeri Terengganu telah pertama kali diwartakan pada 21 Mei 1964 (nombor warta 236) seluas 100.36 hektar di Pekan Kuala Berang, Daerah Hulu Terengganu yang merangkumi tanah Kerajaan dan tanah milik orang Melayu seperti di **Peta 1.1**.



**Peta 1.1**  
**Kawasan Rizab Melayu Pekan Kuala Berang Yang Pertama Kali Diwartakan**

Sumber: Fail Tanah Rizab Melayu, PTG


**1.4.1.3.** Bagaimanapun, kawasan tersebut telah dibatalkan secara keseluruhan melalui keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke-13 Tahun 2003 dan disiarkan dalam warta pada 11 Mac 2004 (nombor warta 175). Manakala pewartaan semula kawasan baru seluas 118.21 hektar telah dibuat pada 21 Oktober 2004 (nombor warta 795) juga di Hulu Terengganu merangkumi sebahagian Pekan Kuala Berang (42.79 hektar), Bukit Salak (29.35 hektar) dan Bukit Keratan (46.08 hektar) seperti di **Peta 1.2** dan **Peta 1.3**.

**Peta 1.2**  
**Kawasan Rizab Melayu Di Pekan**  
**Kuala Berang Yang Diwartakan Semula**



Sumber: Fail Tanah Rizab Melayu, PTG  
 Nota: Warna Biru = Kawasan Rizab Melayu Yang Dibatalkan

**Peta 1.3**  
**Kawasan Tanah Rizab Melayu**  
**Yang Diganti**



Sumber: Google Maps

## **1.4.2. Keluasan Kawasan Rizab Melayu Adalah Terlalu Kecil Berbanding Tanah Negeri**

**1.4.2.1.** Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu merupakan wasiat Raja-raja Melayu dan pemimpin-pemimpin yang dibuat semasa hari merdeka pada 31 Ogos 1957. Perkara kedua yang dinyatakan dalam wasiat tersebut adalah mengenai keluasan kawasan tanah simpanan Melayu hendaklah sehingga nisbah 50% daripada keluasan Negeri.

**1.4.2.2.** Semakan Audit mendapati keluasan Negeri Terengganu adalah berjumlah 1,295,678.3 hektar yang merangkumi 7 daerah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 1.1**. Secara perbandingan, peratus keluasan kawasan Rizab Melayu di Negeri Terengganu dengan keluasan Negeri hanya 0.0091% sahaja.

**Jadual 1.1**  
**Keluasan Negeri Mengikut Daerah**

Bil.	Daerah	Keluasan (Hektar)
1.	Hulu Terengganu	387,462.6
2.	Dungun	273,503.1
3.	Kemaman	253,599.9
4.	Setiu	130,436.3
5.	Besut	123,367.8
6.	Marang	66,654.3
7.	Kuala Terengganu	60,654.3
<b>Jumlah Keluasan</b>		<b>1,295,678.3</b>

Sumber: Laman Web Rasmi Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Terengganu

**1.4.2.3. Berdasarkan maklum balas PTG bertarikh 18 Mac 2014, walaupun kawasan yang telah diwartakan sebagai Rizab Melayu di Negeri Terengganu hanya 0.0091% daripada keluasan Negeri tetapi Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan yang diwujudkan khusus untuk Negeri Terengganu berhubung tanah pegangan Melayu menetapkan tanah desa yang kurang daripada 10 ekar yang dimiliki oleh orang Melayu menjadi tanah orang Melayu. Ini bermakna keluasan tanah yang dimiliki oleh orang Melayu sentiasa bertambah dari masa ke semasa apabila selagi ianya dimiliki oleh orang Melayu sama ada melalui pelupusan/pindah milik dan sebagainya dan dianggarkan keluasannya adalah melebihi 50% daripada keluasan Negeri.**

**Pada pendapat Audit, kawasan Rizab Melayu di Negeri Terengganu perlu diperluaskan lagi memandangkan keluasan sedia ada adalah amat kecil iaitu kurang dari 1% berbanding keluasan Negeri.**

#### **1.4.3. Tanah Rizab Melayu Yang Diganti Tidak Serupa Jenis**

**1.4.3.1.** Perkara 89 Fasal 3, Perlembagaan Persekutuan menyatakan jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah Rizab Melayu, mana-mana tanah lain yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu hendaklah diisytiharkan dengan serta merta sebagai tanah Rizab Melayu.

**1.4.3.2.** Semakan Audit mendapati kategori tanah Rizab Melayu yang digantikan seluas 75.43 hektar di Bukit Salak dan Bukit Keratan di Daerah Hulu Terengganu adalah berstatus pertanian berbanding tanah yang dibatalkan (kategori bangunan) di Pekan Kuala Berang. Nilai tanah di kawasan Rizab Melayu yang diganti juga adalah lebih murah berbanding dengan nilai tanah di kawasan Rizab Melayu yang dibatalkan. Kawasan tersebut telah diberi milik kepada 126 individu untuk diusahakan sebagai kawasan pertanian. Keadaan contoh tanah yang diganti adalah seperti di **Gambar 1.1.**



**Gambar 1.1**  
**Keadaan Contoh Tanah Yang Diganti**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bukit Salak, Hulu Terengganu  
Tarikh: 6 Februari 2014

**1.4.3.3. Berdasarkan maklum balas PTG bertariikh 18 Mac 2014, dalam keadaan sekarang dan suasana sebenar, adalah menjadi kesukaran untuk menggantikan tanah Rizab Melayu yang dibatalkan dan diganti dengan tanah yang serupa jenis dan nilainya kerana ianya terhalang oleh Perkara 89(3)(b) dan Perkara 89(4) Perlembagaan Persekutuan. Bagaimanapun, sebagai jalan penyelesaian tindakan yang telah diambil ialah dengan mewartakan tanah Kerajaan sebagaimana yang dilakukan di kawasan Bukit Salak dan Bukit Keratan, Mukim Tanggol, Daerah Hulu Terengganu.**

#### **1.4.4. Dokumen Hak Milik/Geran Tanah Rizab Melayu Tidak Dibuat Peringatan 'Kawasan Rizab Melayu'**

**1.4.4.1.** Seksyen 6(i), Enakmen menyatakan dengan tersiarnya di dalam warta mengenai tanah bandar atau pekan sebagai Rizab Melayu, Pemungut Daerah di mana tanah itu terletak hendaklah mengemukakan Borang A Jadual Pertama yang mengandungi satu senarai kesemua tanah yang termasuk dan terlibat dengan perisytiharan itu kepada pihak berkuasa pendaftaran untuk memasukkan peringatan ke atas dokumen hak milik. Begitu juga dengan pendaftaran mana-mana dokumen hak milik yang baru bagi mana-mana tanah yang termasuk dalam Rizab Melayu, Pemungut Daerah di mana tanah itu terletak hendaklah mengemukakan Borang A Jadual Pertama selaras dengan Seksyen 6(ii).

**1.4.4.2.** Seksyen 6(iii) pula menghendaki Pendaftar membuat peringatan bagi tiap-tiap dokumen hak milik daftar sebagaimana Borang A Jadual Pertama.

**1.4.4.3.** Seksyen 6(v) menetapkan bila-bila masa jika ada Pendaftar mendapati tanah yang termasuk dalam Rizab Melayu tidak dibuat peringatan ke atas dokumen hak milik daftar, beliau bolehlah mengemukakan satu permintaan dalam Borang A Jadual Pertama dan hendaklah membuat peringatan ke atas dokumen hak milik daftar. Beliau bolehlah dengan notis dalam Borang B Jadual Pertama meminta tuan punya dokumen hak milik atau sesiapa sahaja yang ada menyimpannya menyerahkannya kepada beliau.

**1.4.4.4.** Semakan Audit mendapati sebanyak 141 (26.5%) daripada 533 sampel dokumen hak milik (geran) tanah Rizab Melayu tidak dibuat peringatan dengan perkataan 'Kawasan Rizab Melayu'. Daripada jumlah tersebut sebanyak 18 geran di PTG tidak mempunyai sebarang peringatan di atas geran seperti di **Jadual 1.2**. Manakala sebanyak 123 geran pula dibuat peringatan sebagai 'Tanah Orang Melayu'. Geran tanah Rizab Melayu yang tidak dibuat peringatan boleh menyebabkan tanah tersebut dipindah milik, digadai, dipajak atau dilupuskan kepada orang bukan Melayu.

**Jadual 1.2**  
**Geran Yang Tidak Mempunyai Sebarang Peringatan**

<b>Bil.</b>	<b>No. Hak Milik</b>	<b>No. Lot</b>	<b>Keluasan (Meter Persegi)</b>
1.	PN 1973	305	899
2.	PN 2039	225	97
3.	PN 1454	119	148.55
4.	GN 10828	473	493
5.	GN 21388	11275	678
6.	GN 21389	11276	678
7.	GN 21390	11277	678
8.	GN 21391	11278	678
9.	GN 21535	50014	1051
10.	GN 21536	20015	1053
11.	GN 21446	50009	627
12.	GN 21447	50010	558
13.	GN 21448	50011	558
14.	GN 21449	50012	558
15.	GN 21450	50013	558
16.	PN 2944	404	138
17.	GN 5273	66	9081.14
18.	HSD 1058	PT 748	3352

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu

**1.4.4.5.** Pihak Audit mendapati sebab utama perkara ini berlaku adalah kerana pihak PTG tidak menyediakan daftar khusus berkaitan Tanah Rizab Melayu bagi menyimpan maklumat mengenai tanah rizab yang berkaitan.

**1.4.4.6.** **Berdasarkan maklum balas PTG bertarikh 18 Mac 2014, pembedaan akan dibuat dengan memasukkan perkataan kawasan Rizab Melayu mengikut seksyen 380 Kanun Tanah Negara bagi menggantikan catatan Tanah Orang Melayu di dalam hak milik berkenaan oleh Pengarah Tanah Dan Galian dan juga Pentadbir Tanah Daerah Hulu Terengganu.**

Pada pendapat Audit, pengurusan peringatan ke atas dokumen hak milik adalah kurang memuaskan kerana walaupun pewartaan tanah Rizab Melayu telah dilakukan sejak tahun 2004, namun 141 geran tidak dibuat peringatan sebagai Rizab Melayu.



## **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**1.5.1.** Menambah keluasan kawasan Rizab Melayu di Negeri Terengganu dan memastikan tanah Rizab Melayu yang diganti adalah serupa jenis atau sekurang-kurangnya dalam kategori yang sama dengan tanah yang telah dibatalkan.

**1.5.2.** Memastikan kesemua geran tanah Rizab Melayu dibuat peringatan 'Kawasan Rizab Melayu' dan menyediakan Daftar Tanah Rizab Melayu bagi menyimpan maklumat mengenai tanah rizab yang berkaitan.

## PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU PEJABAT DAERAH DUNGUN PEJABAT DAERAH BESUT

### 2. PENGURUSAN PEMBANGUNAN DAN PENYENGGARAAN BALAI RAYA

#### 2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pejabat Daerah bertanggungjawab terhadap pembangunan dan penyenggaraan balai raya di daerah masing-masing. Peruntukan pembangunan dan penyenggaraan balai raya disediakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) manakala Pejabat-pejabat Daerah bertindak sebagai Agensi Pelaksana di mana Pegawai Daerah adalah merupakan Pegawai Penguasa. Perolehan projek tersebut dibuat secara pembelian terus atau sebut harga. Pentadbiran balai raya setelah siap dibina diserahkan kepada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK), manakala JKKK dipertanggungjawabkan kepada penghulu.

2.1.2. Pada tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 133 projek pembangunan dan 46 penyenggaraan telah dirancang bagi 7 daerah dengan peruntukan sejumlah RM18.48 juta di mana sejumlah RM17.01 juta bagi pengurusan pembangunan dan sejumlah RM1.47 juta untuk menyenggara balai raya seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Peruntukan Bagi Pembangunan Dan Penyenggaraan Balai Raya**  
**Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Daerah	2011		2012		2013		Jumlah	
	Bina (RM Juta)	Senggara (RM Juta)	Bina (RM Juta)	Senggara (RM Juta)	Bina (RM Juta)	Senggara (RM Juta)	Bina (RM Juta)	Senggara (RM Juta)
Kuala Terengganu	2.67	0.17	1.50	0.27	1.93	-	6.10	0.44
Dungun	1.20	-	0.60	0.20	1.00	-	2.80	0.20
Besut	0.62	0.05	0.65	0.15	0.84	-	2.11	0.20
Kemaman	0.40	0.05	0.85	0.04	0.50	0.04	1.75	0.13
Marang	0.19	0.12	0.07	0.05	0.50	-	0.76	0.17
Hulu Terengganu	0.60	0.11	0.86	0.03	0.32	0.06	1.78	0.20
Setiu	0.48	-	0.48	0.13	0.75	-	1.71	0.13
<b>Jumlah</b>	<b>6.16</b>	<b>0.50</b>	<b>5.01</b>	<b>0.87</b>	<b>5.84</b>	<b>0.10</b>	<b>17.01</b>	<b>1.47</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>6.66</b>		<b>5.88</b>		<b>5.94</b>		<b>18.48</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Dan Pejabat Daerah

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Pembangunan dan Penyenggaraan Balai Raya telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi proses pembangunan dan penyenggaraan sehingga penggunaan balai raya bagi tahun 2011 hingga 2013. Sebanyak 3 daerah telah dipilih sebagai sampel Audit iaitu daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Besut. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Pejabat SUK (Unit Kerja Raya Dan Pengangkutan), Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Besut. Selain itu, lawatan ke lokasi projek dan temu bual dengan JKKK serta pegawai yang terlibat juga dijalankan. Analisis aktiviti yang dijalankan di balai raya turut dilaksanakan.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati pada keseluruhannya pencapaian pengurusan pembangunan dan penyenggaraan balai raya bagi 3 Daerah adalah baik kerana Pejabat Daerah telah berjaya membina kesemua 81 dan menyenggara 27 balai raya yang dirancang untuk tempoh 2011 hingga 2013. Prestasi penggunaan juga adalah baik, bagaimanapun pengurusan pembangunan dan penyenggaraan balai raya di Negeri Terengganu wujud beberapa kelemahan seperti berikut:

- Balai raya lewat disiapkan tanpa permohonan tempoh lanjutan masa.
- Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan tidak dikenakan.
- Reka bentuk balai raya kurang sesuai.
- Pembangunan balai raya di atas tanah individu.
- Balai raya tidak diselia dan disenggarakan.

### **2.4.1. Prestasi Pembangunan Balai Raya**

#### **2.4.1.1. Prestasi Keseluruhan Pembangunan Balai raya**

- a. Pembangunan balai raya dirancang oleh Pejabat Daerah berdasarkan permohonan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri dan JKKK serta peruntukan yang diperolehi daripada SUK. Balai raya hendaklah dibangunkan dengan teratur seperti mana yang dirancang. Semakan Audit terhadap data yang diterima daripada semua pejabat daerah mendapati prestasi keseluruhan pembangunan balai raya Negeri Terengganu bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah baik. Sebanyak 133 balai raya yang dirancang dengan peruntukan RM17.01 juta telah berjaya dibina dengan perbelanjaan

berjumlah RM15.67 juta atau 92.2% daripada jumlah diperuntukkan. **Jadual 2.2** menunjukkan keterangan terperinci peruntukan dan perbelanjaan pembangunan balai raya Negeri Terengganu.

**Jadual 2.2**

**Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Pembangunan Balai Raya Negeri Terengganu Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Daerah	2011			2012			2013			Jumlah		
	Bil.	P (RM Juta)	B (RM Juta)	Bil.	P (RM Juta)	B (RM Juta)	Bil.	P (RM Juta)	B (RM Juta)	Bil.	P (RM Juta)	B (RM Juta)
Kuala Terengganu	24	2.67	2.58	15	1.50	1.45	10	1.93	1.92	49	6.10	5.95
Dungun	6	1.20	1.15	3	0.60	0.57	5	1.00	0.96	14	2.80	2.68
Besut	6	0.62	0.61	6	0.65	0.57	6	0.84	0.75	18	2.11	1.93
Kemaman	2	0.40	0.37	5	0.85	0.21	4	0.50	0.48	11	1.75	1.06
Marang	3	0.19	0.18	1	0.07	0.07	2	0.50	0.49	6	0.76	0.74
Hulu Terengganu	6	0.60	0.54	10	0.86	0.85	6	0.32	0.30	22	1.78	1.69
Setiu	4	0.48	0.46	4	0.48	0.45	5	0.75	0.71	13	1.71	1.62
<b>Jumlah</b>	<b>51</b>	<b>6.16</b>	<b>5.89</b>	<b>44</b>	<b>5.01</b>	<b>4.17</b>	<b>38</b>	<b>5.84</b>	<b>5.61</b>	<b>133</b>	<b>17.01</b>	<b>15.67</b>

Sumber: Pejabat Daerah

Nota: P = Peruntukan; B = Belanja

- b. Semakan Audit terhadap pembangunan balai raya bagi 3 daerah yang dipilih mendapati sebanyak 81 buah balai raya dengan perbelanjaan sejumlah RM10.56 juta berjaya dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Ini kerana Pejabat Daerah mempunyai perancangan dan pelaksanaan yang baik. Jumlah balai raya dibina dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**

**Bilangan Dan Perbelanjaan Pembinaan Balai Raya Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Daerah	2011		2012		2013		Jumlah Keseluruhan	
	Bil.	Belanja (RM Juta)	Bil.	Belanja (RM Juta)	Bil.	Belanja (RM Juta)	Bil.	Belanja (RM Juta)
Kuala Terengganu	24	2.58	15	1.45	10	1.92	49	5.95
Dungun	6	1.15	3	0.57	5	0.96	14	2.68
Besut	6	0.61	6	0.57	6	0.75	18	1.93
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>	<b>4.34</b>	<b>24</b>	<b>2.59</b>	<b>21</b>	<b>3.63</b>	<b>81</b>	<b>10.56</b>

Sumber: Pejabat Daerah

**2.4.1.2. Tempoh Siap Projek Pembinaan**

Setiap projek perlu disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti mana syarat kontrak. Bagi daerah Besut, setiap projek perlu disiapkan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh surat setuju terima dibuat. Sekiranya tidak dapat disiapkan di dalam tempoh tersebut denda akan dikenakan sejumlah RM30 sehari. Bagaimanapun syarat ini tidak dikenakan bagi daerah Kuala Terengganu dan Dungun. Semakan Audit terhadap 44 pembinaan balai raya di 3 daerah yang dipilih iaitu Kuala Terengganu, Besut dan Dungun mendapati 19 (43.2%) buah balai raya disiapkan melebihi tempoh asal kontrak.

#### a. Balai Raya Yang Siap Dalam Tempoh Lanjutan Masa

Balai raya yang telah disiapkan setelah mendapat lanjutan masa adalah dikira sebagai kerja yang disiapkan dalam tempoh iaitu tiada kelewatan. Semakan Audit mendapati 12 balai raya telah disiapkan dalam tempoh lanjutan masa seperti di **Jadual 2.4**. Antara alasan lanjutan masa dipohon ialah kerja-kerja memotong jalan oleh Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU), masalah kelewatan pengambilan balik tanah, masalah kelewatan penghantaran bahan binaan dan masalah kekurangan pekerja. Oleh kerana kelewatan menyiapkan projek ini, JKKK menggunakan masjid, sekolah dan dewan sivik untuk menjalankan aktiviti.

**Jadual 2.4**  
**Senarai Balai Raya Yang Disiapkan Dalam Tempoh Lanjutan Masa**

Bil.	Nama Projek	Tarikh Siap Kontrak Asal	Bilangan Lanjutan Masa Diluluskan	Tarikh Akhir Lanjutan Masa	Tarikh Siap Sebenar
<b>Pejabat Daerah Kuala Terengganu</b>					
1.	Pembinaan dewan serba guna Kg. Losong Hj. Long	12.09.2012	2	15.12.2012	02.12.2012
2.	Menaik taraf balai raya Kg. Bukit Tok Ris	10.09.2013	1	11.11.2013	30.10.2013
3.	Menaik taraf balai raya Kg. Batu Enam	05.08.2013	1	14.10.2013	14.10.2013
<b>Pejabat Daerah Dungun</b>					
4.	Pembinaan balai raya Sura Gate	08.08.2011	2	26.12.2011	14.12.2011
5.	Pembinaan balai raya Tembesu Akar	20.11.2011	2	01.04.2012	01.04.2012
6.	Pembinaan balai raya Kg. Seberang Pintasan	20.11.2011	1	25.12.2011	25.12.2011
7.	Pembinaan balai raya RAKR Gong Pasir	28.08.2013	1	14.11.2013	13.11.2013
8.	Pembinaan balai raya Kg. Sura Utara	04.09.2013	1	20.10.2013	04.10.2013
9.	Pembinaan balai raya Kg. Ladang Pinang Emas	11.09.2013	1	10.12.2013	10.12.2013
10.	Pembinaan balai raya AMBS II	30.10.2013	1	11.12.2013	02.12.2013
<b>Pejabat Daerah Besut</b>					
11.	Pembinaan balai raya Kg. Jawek	28.07.2011	1	22.09.2011	12.09.2011
12.	Pembinaan balai raya Kg. Pachakan	04.09.2011	1	16.10.2011	13.11.2011

Sumber: Dokumen Fail Projek Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Besut

#### b. Balai Raya Lewat Disiapkan Tanpa Permohonan Lanjutan Masa Dan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan Tidak Dikenakan

Sebanyak 7 balai raya lewat disiapkan tanpa permohonan lanjutan masa antara 34 hingga 323 hari seperti di **Jadual 2.5**. Bagaimanapun, di daerah Besut kelewatan pembinaan balai serba guna RAKR Lak Lok, Besut tidak dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) seperti mana syarat tambahan sejumlah RM1,020 (RM30/sehari x 34 hari).

**Jadual 2.5****Balai Raya Lewat Disiapkan Tanpa Permohonan Masa Dan LAD Tidak Dikenakan**

Bil.	Nama Projek	Tarikh Siap Kontrak Asal	Tarikh Laporan Siap Kerja
<b>Pejabat Daerah Kuala Terengganu</b>			
1.	Pembinaan balai raya Kg. Tok Hakim	07.06.2011	25.04.2012
2.	Pembinaan balai raya Kg. Binjai Manis	07.06.2011	20.10.2011
3.	Baik pulih balai raya Kg. Bukit Kecil	09.10.2011	29.12.2011
4.	Pembinaan balai raya Kg. Tuan Mandak	07.01.2012	15.04.2012
5.	Baik pulih balai raya Kg. Serdang Baru	17.07.2012	06.09.2012
<b>Pejabat Daerah Dungun</b>			
6.	Pembinaan balai raya Felda Jerangau A	17.11.2012	30.12.2013
<b>Pejabat Daerah Besut</b>			
7.	Pembinaan balai serba guna RAKR Lak Lok	02.08.2013	04.09.2013

Sumber: Dokumen Fail Projek Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Besut

- c. **Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Dungun bertarikh 24 Mac 2014, pihaknya akan meningkatkan pemantauan bagi memastikan perkara sebegini tidak berulang.**

#### 2.4.1.3. Reka Bentuk Balai Raya Kurang Sesuai

- a. Reka bentuk balai raya yang sesuai penting bagi memudahkan susun atur meja dan perabot supaya ia selesa untuk digunakan JKKK bermesyuarat dan mengadakan aktiviti masyarakat yang lain. Semakan Audit terhadap reka bentuk balai raya mendapati kedudukan tiang bangunan tidak sesuai. Reka bentuk balai raya 2 tingkat bagi 6 buah balai raya seperti di **Jadual 2.6** menunjukkan kedudukan tiang yang kurang sesuai. Ini kerana terdapat 2 tiang bangunan di tengah ruang tingkat bawah dan 1 tiang di tengah ruang tingkat atas. Reka bentuk ini menyukarkan susunan meja dan aktiviti yang hendak dijalankan serta menghalang penglihatan (*eye contact*) antara ahli mesyuarat. Semakan lanjut Audit terhadap pelan rekabentuk mendapati pembinaan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2** menunjukkan kedudukan tiang tersebut.

**Jadual 2.6****Senarai Balai Raya Yang Mana Reka Bentuk Kurang Sesuai**

Bil.	Nama Projek Balai Raya	Tahun Pembinaan	Harga Kontrak (RM)
1.	Balai raya Taman Rakyat Jaya, Rantau Abang	2011	189,000
2.	Balai raya Batu 6, Sura	2011	199,650
3.	Balai raya Tembesu Akar, Sura	2011	195,000
4.	Balai raya Jerangau A, Bukit Besi	2012	187,000
5.	Balai raya kg. Sura Utara, Sura, Dungun	2013	194,500
6.	Balai raya Tebing Tembah, Paka	2013	187,050

Sumber: Pejabat Daerah Dungun

**Gambar 2.1**  
**Tiang Di Tengah Ruang Tingkat Bawah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Batu 6, Sura, Dungun  
Tarikh: 17 Februari 2014

**Gambar 2.2**  
**Tiang Di Tengah Ruang Tingkat Bawah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Tebing Tembah, Paka  
Tarikh: 17 Februari 2014

- b. **Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Dungun bertarikh 24 Mac 2014, pihaknya akan mengambil kira perubahan reka bentuk tingkat atas bangunan dan tiang di bangunan bagi pembinaan balai raya yang akan datang.**

#### **2.4.1.4. Bangunan Balai Raya Didirikan Di Atas Tanah Individu**

- a. Bangunan balai raya hendaklah didirikan di atas tanah Kerajaan untuk mengelakkan kerugian sekiranya pemilik tanah membuat tuntutan terhadap tanah tersebut. Hasil lawatan Audit terhadap 78 balai raya mendapati:
- i. Sebanyak 9 balai raya telah didirikan di atas tanah individu iaitu 6 balai raya di daerah Kuala Terengganu dan 3 balai raya di daerah Besut. Ia telah diwakafkan oleh pemilik tanah asal secara tidak bertulis. Bagaimanapun tiada kes yang sama di daerah Dungun.
  - ii. Satu balai raya didirikan di atas tanah milik Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- b. Kesemua balai raya terlibat telah dibina sebelum tahun 2000 seperti di **Jadual 2.7** manakala **Gambar 2.3** hingga **Gambar 2.7** adalah antara balai raya berkenaan. Sehingga kini pejabat daerah tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menyelesaikan hak milik tanah individu tersebut kerana:
- i. Menurut temu bual dengan Pegawai Pejabat Daerah dan JKKK, mendapati pemilik tanah asal telah mewakafkan tanah tersebut untuk pembinaan balai raya dengan tujuan beramal tanpa perjanjian bertulis. Bagaimanapun, terdapat satu kes iaitu balai raya Kampung Gelugor Raja di mana waris kepada pemilik tanah asal menuntut kembali tapak bangunan balai raya kerana pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan pejabat Kerajaan Persekutuan dan harga tanah meningkat. Permohonan pelupusan bagi balai raya Kampung

Gelugor Raja telah pun diajukan kepada Pejabat Daerah Kuala Terengganu. Bagaimanapun, sehingga kini tiada keputusan dibuat oleh Pejabat Daerah.

- ii. Kampung Gelugor Raja adalah sebahagian dari tapak pembangunan Pejabat Kerajaan Persekutuan. JKKK berkenaan tidak memohon pembangunan balai raya baharu kerana penduduk kampung tersebut akan dipindahkan ke kawasan baharu.
- c. Kesannya, kebanyakan aktiviti ditangguhkan dan mesyuarat diadakan di masjid sehingga tindakan pengambilan tanah dibuat sepenuhnya. Selanjutnya, Kerajaan akan kehilangan aset (balai raya) dan semua perbelanjaan yang dikeluarkan bagi membina 10 balai raya berkenaan adalah sia-sia.

**Jadual 2.7**

**Bangunan Balai Raya Didirikan Di Atas Tanah Individu**

Bil.	Nama Balai Raya	Maklum Balas
<b>Kuala Terengganu</b>		
1.	Balai raya Kg. Binjai Manis	<b>Maklum balas Pejabat Daerah Kuala Terengganu bertarikh 12.02.2014, memaklumkan pihaknya akan menyemak semula status tapak balai raya berkenaan dan akan memaklumkan cadangan tapak baru yang dipohon oleh JKKK terlibat.</b>
2.	Balai raya Kg. Batin	
3.	Balai raya Kg. Pak Pa	
4.	Balai raya Kg. Gelugor Raja	
5.	Balai raya Kg. Losong Panglima Perang	
6.	Balai raya Kg. Duyong Besar	
<b>Besut</b>		<b>Maklum balas Pejabat Daerah Besut bertarikh 27.03.2014.</b>
7.	Balai raya Kg. Balik Bukit	<b>Bangunan didirikan sekitar tahun 60-70an dengan kebenaran pemilik. Sehingga kini tiada permohonan cadangan tapak baru daripada JKKK dan tiada permohonan ambil balik tanah oleh pemilik tanah.</b>
8.	Balai raya Kg. Gaung	<b>Bangunan didirikan sekitar tahun 60-70an dengan kebenaran pemilik. Sehingga kini tiada permohonan cadangan tapak baru daripada JKKK dan tiada permohonan ambil balik tanah oleh pemilik tanah.</b>
9.	Balai raya Kg. Kayu Kelat	
<b>Kuala Terengganu (balai raya di atas tanah milik MAIDAM)</b>		
10.	Balai raya dan Balai JKKK Kg. Teluk Menara	<b>Maklum balas Pejabat Daerah Kuala Terengganu bertarikh 12.02.2014, memaklumkan pihaknya akan menyemak semula status tapak balai raya berkenaan dan akan memaklumkan cadangan tapak baru yang dipohon oleh JKKK terlibat.</b>

Sumber : Pejabat Daerah dan JKKK Kampung



**Gambar 2.3**  
**Tapak Tanah Balai Raya Milik Individu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Pak Pa, Kuala Terengganu  
Tarikh: 5 Februari 2014

**Gambar 2.4**

**Tapak Tanah Balai Raya Milik Individu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Balik Bukit, Hulu Besut  
Tarikh: 5 Mac 2014

**Gambar 2.5**  
**Tapak Tanah Balai Raya Milik Individu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Duyong Besar,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 4 Februari 2014

**Gambar 2.6**

**Tapak Tanah Balai Raya Milik Individu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Losong Panglima Perang,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 5 Februari 2014



**Gambar 2.7**  
**Balai raya JKKK Di Atas Tanah Milik MAIDAM**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Teluk Menara,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 Februari 2014

**Pada pendapat Audit, projek pembinaan balai raya telah berjaya dibina mengikut perancangan yang ditetapkan. Bagaimanapun, Pejabat Daerah perlu memastikan tempoh siap projek, reka bentuk balai raya yang lebih sesuai serta bangunan balai raya hendaklah didirikan di atas tanah kerajaan untuk mengelakkan kerugian sekiranya pemilik tanah membuat tuntutan terhadap tanah tersebut.**

## 2.4.2. Prestasi Penggunaan Balai Raya

2.4.2.1. Balai raya merupakan kemudahan untuk dimanfaatkan oleh penduduk setempat bagi mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan mereka menerusi pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Selain itu, ia dapat mewujudkan persekitaran kejiranan yang sihat, memupuk kerjasama serta semangat gotong-royong dan sebagainya di kalangan masyarakat setempat. Lawatan Audit ke 47 balai raya mendapati 31 balai raya dimanfaatkan secara aktif oleh masyarakat setempat untuk pelbagai aktiviti seperti majlis perkahwinan, kesukanan, gotong-royong, perjumpaan dan mesyuarat. Sementara itu, 16 balai raya tidak digunakan secara aktif. Maklumat berkenaan adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**


**Analisis Keseluruhan Sampel Penggunaan Balai Raya Mengikut Dewan Undangan Negeri Daerah Kuala Terengganu, Dungun Dan Besut**

DUN	Sangat Aktif (Bil.)	Aktif (Bil.)	Sederhana Aktif (Bil.)	Kurang Aktif (Bil.)	Jumlah (Bil.)
<b>Kuala Terengganu</b>					
Bukit Tinggi	-	1	-	1	2
Seberang Takir	-	-	1	-	1
Bukit Payong	-	2	-	-	2
Wakaf Mempelam	1	-	5	1	7
Manir	-	6	4	2	12
<b>Dungun</b>					
Paka	-	5	-	-	5
Rantau Abang	-	2	-	-	2
Sura	-	5	1	-	6
Bukit Besi	-	2	-	-	2
<b>Besut</b>					
Hulu Besut	1	6	1	-	8
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>	<b>29</b>	<b>12</b>	<b>4</b>	<b>47</b>

Sumber: JKJK

2.4.2.2. Analisis Audit ke atas 47 buah balai raya mendapati, sebanyak 2 buah atau 4.3% penggunaan balai raya adalah sangat aktif, 29 buah atau 62% aktif, 12 buah atau 25.5% sederhana aktif dan 4 buah atau 8.5% kurang aktif. Kategori sangat aktif merupakan penggunaan balai raya secara optimum dengan mengambil kira mesyuarat setiap bulan, aktiviti yang dijalankan dan anugerah yang diterima. Kategori aktif merupakan penggunaan balai raya yang digunakan untuk penempatan TADIKa manakala aktiviti lain dijalankan di pelbagai tempat. Kategori sederhana aktif pula, JKJK tidak mengadakan mesyuarat setiap bulan dan kurang aktiviti. Kategori kurang aktif merupakan balai raya yang digunakan secara minimum dan tidak digunakan sepenuhnya. Balai raya yang dikategorikan kurang aktif disebabkan balai raya yang uzur dan tidak diseliasa serta JKJK kurang mengadakan aktiviti. Selain itu, temu bual Audit yang dijalankan terhadap 50 orang penduduk kampung bagi sampel balai raya yang dipilih mendapati 72% atau 36 penduduk mengatakan balai raya digunakan secara aktif manakala 28% atau 14 penduduk mengatakan balai raya kurang aktif digunakan seperti di **Carta 2.1**.

**Carta 2.1**  
**Pendapat Penduduk Kampung Mengenai Penggunaan Balai Raya**



**2.4.2.3.** Antara sebab balai raya kurang digunakan adalah disebabkan JKKK kurang membuat aktiviti/mesyuarat bagi menghidupkan komuniti kampung, ketiadaan bekalan air atau elektrik di balai raya akibat pemotongan bekalan, keadaan balai raya uzur dan terbiar serta kurangnya penglibatan golongan muda. **Gambar 2.8** dan **Gambar 2.9** menunjukkan keadaan balai raya yang kurang aktif dan yang sangat aktif.

**Gambar 2.8**  
**Balai Raya Kurang Aktif**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Balai Raya Kg. Gelugor Raja  
 Kuala Terengganu  
 Tarikh: 5 Februari 2014

**Gambar 2.9**  
**Keadaan Balai Raya Sangat Aktif**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi: Balai Raya Kg. Paloh Sungai Kiat  
 Kuala Terengganu  
 Tarikh: 5 Februari 2014

**2.4.2.4.** **Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Kuala Terengganu bertarikh 12 Februari 2014, memaklumkan bahawa balai raya Kg Gelugor Raja dalam proses pelupusan dan akan memaklumkan kepada Jabatan Audit kedudukan terkini.**

Pada pendapat Audit, penggunaan balai raya adalah memuaskan. Bagaimanapun, Pejabat Daerah perlu mengambil tindakan menggantikan mana-mana balai raya yang uzur.

## 2.4.3. Penyenggaraan Balai Raya

### 2.4.3.1. Prestasi Keseluruhan Penyenggaraan Balai raya

- a. Pejabat Daerah akan membuat penyenggaraan balai raya jika ada aduan dan laporan JKKK tanpa perancangan khusus. Peruntukan untuk kerja penyenggaraan akan dimohon kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Jenis senggaraan balai raya meliputi menaik taraf dinding kayu kepada batu bata, menaik taraf lantai kayu kepada lantai konkrit, menggantikan atap, penyenggaraan pintu dan tingkap, naik taraf tandas, pembesaran bangunan, penyenggaraan pendawaian elektrik, premix dataran kejut dan mengecat bangunan.
- b. Semakan Audit mendapati prestasi senggaraan balai raya diseluruh Negeri Terengganu bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah baik. Sejumlah RM1.40 juta (95%) daripada peruntukan telah dibelanjakan bagi menyenggara 46 balai raya pada tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.9**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Penyenggaraan Balai Raya Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Daerah	2011			2012			2013			Jumlah		
	Bil.	P (RM)	B (RM)	Bil.	P (RM)	B (RM)	Bil.	P (RM)	B (RM)	Bil.	P (RM)	B (RM)
Kuala Terengganu	8	170,000	167,900	10	270,000	253,378	-	-	-	18	440,000	421,278
Dungun	-	-	-	5	200,000	179,175	-	-	-	5	200,000	179,175
Besut	2	54,500	52,880	2	150,000	140,925	-	-	-	4	204,500	193,805
Kemaman	1	50,000	45,691	1	40,000	38,454	1	40,000	38,761	3	130,000	122,906
Marang	4	120,000	118,485	1	50,000	48,550	-	-	-	5	170,000	167,035
Hulu Terengganu	3	110,000	105,500	1	30,000	28,690	3	60,000	58,490	7	200,000	192,680
Setiu	-	-	-	4	125,000	120,500	-	-	-	4	125,000	120,500
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>	<b>504,500</b>	<b>490,456</b>	<b>24</b>	<b>865,000</b>	<b>809,672</b>	<b>4</b>	<b>100,000</b>	<b>97,251</b>	<b>46</b>	<b>1,469,500</b>	<b>1,397,379</b>

Sumber: Pejabat Daerah

Nota: P = Peruntukan; B = Belanja

- c. Semakan Audit terhadap fail senggaraan balai raya bagi 3 sampel daerah yang dipilih mendapati prestasi keseluruhan penyenggaraan dalam tempoh 3 tahun bagi 3 daerah yang dipilih adalah seperti mana yang dirancang iaitu 27 balai raya dengan kos RM794,258 seperti di **Jadual 2.10**.

**Jadual 2.10**  
**Bilangan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan Balai Raya Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Daerah	2011		2012		2013		Jumlah Keseluruhan	
	Bil.	Belanja (RM)	Bil.	Belanja (RM)	Bil.	Belanja (RM)	Bil.	Belanja (RM)
Kuala Terengganu	8	167,900	10	253,378	-	-	18	421,278
Dungun	-	-	5	179,175	-	-	5	179,175
Besut	2	52,880	2	140,925	-	-	4	193,805
<b>Jumlah</b>	<b>10</b>	<b>220,780</b>	<b>17</b>	<b>573,478</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>27</b>	<b>794,258</b>

Sumber: Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Besut

- d. Analisis Audit terhadap keadaan 78 balai raya yang dilawati bagi 3 daerah mendapati 21 atau 26.9% balai raya dikategorikan disenggara sangat baik, 24 atau 30.8% adalah baik, 17 atau 21.8% memuaskan dan 16 atau 20.5% kurang memuaskan. Analisis terhadap 24 balai raya kategori baik diperoleh dengan mengambil kira senggaraan yang dijalankan antara 70.0% hingga 89.0% manakala 16 balai raya kurang memuaskan dengan senggaraan 49.0% ke bawah. Jenis kerosakan yang berlaku bagi kebanyakan bangunan balai raya yang dilawati adalah resapan air di siling, pintu dan tingkap rosak serta tandas kotor.

#### 2.4.3.2. Seliaan Dan Senggaraan Balai Raya Yang Tidak Diberi Perhatian

- a. Mengikut Garis Panduan Penubuhan JKKK Negeri Terengganu, JKKK adalah bertanggungjawab melaporkan sebarang kerosakan yang memerlukan perhatian dan penyelesaian. Lawatan Audit ke 78 balai raya mendapati 36 balai raya rosak dan tidak diberi perhatian seperti di **Jadual 2.11**. Daripada 36 balai raya yang rosak, 12 balai raya tersebut dibina dalam tahun 2009 hingga 2013. Manakala bakinya 24 balai raya dibina sebelum tahun 2009. Antara kerosakan yang berlaku di balai raya adalah seperti perabung atap tertanggal, tingkap dan jeriji rosak, pagar rosak, resapan air di siling, siling pecah, pintu rosak dan dimakan anai-anai, atap pecah, penutup *manhole* pecah dan lain-lain. **Gambar 2.10** hingga **Gambar 2.21** adalah antara contoh balai raya yang tidak disenggarakan dan terbiar tanpa perhatian.
- b. Kerosakan ini tidak dibaiki disebabkan JKKK tidak melaporkan kerosakan; kurang mengadakan aktiviti/mesyuarat balai raya; tiada Prosedur Operasi Piawai (SOP); tiada jadual senggaraan balai raya dan tiada inventori balai raya. Kesannya tiada peruntukan senggaraan balai raya dalam anggaran tahunan; memberi imej pengurusan yang kurang baik kepada JKKK dan Pejabat Daerah; keadaan yang tidak selesa kepada penduduk kampung dan boleh membahayakan pengguna seperti penduduk/kanak-kanak Tadika KEMAS.

**Jadual 2.11**  
**Balai Raya Yang Rosak Bagi 3 Daerah**

Balai Raya	Kuala Terengganu (Bil.)	Besut (Bil.)	Dungun (Bil.)	Jumlah (Bil.)
Baru (2009-2013)	4	4	4	12
Lama (sebelum 2009)	13	6	5	24
<b>Jumlah</b>	<b>17</b>	<b>10</b>	<b>9</b>	<b>36</b>

Sumber : JKKK

**Gambar 2.10**  
**Perabung Tertanggal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Rumah Awam II, Kg. Raja,  
Besut  
Tarikh: 8 Januari 2014

**Gambar 2.11**  
**Pagar Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Peradong, Manir,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 Februari 2014

**Gambar 2.12**  
**Kawasan Balai Raya Dipenuhi**  
**Semak Samun**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Banggol, Manir,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 Februari 2014

**Gambar 2.13**  
**Penutup *Manhole* (Lurang) Pecah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Duyong Kecil, Bukit  
Tunggal, Kuala Terengganu  
Tarikh: 4 Februari 2014

**Gambar 2.14**

**Siling Pecah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Alor Lintang, Besut  
Tarikh: 8 Januari 2014

**Gambar 2.15**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Sungai Buaya, Sura,  
Dungun  
Tarikh: 24 Februari 2014

**Gambar 2.16**  
**Atap Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Jeram Manir,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 Februari 2014

**Gambar 2.17**  
**Anai-Anai Di Bawah Lantai Balai Raya**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Kubang Bujuk, Manir,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 Februari 2014

**Gambar 2.18**  
**Pintu Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Tanjung Jaafar, Seberang  
Takir, Kuala Terengganu  
Tarikh: 4 Februari 2014

**Gambar 2.19**  
**Tiang Di Serang Anai-Anai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Tebing Tembah, Paka,  
Dungun  
Tarikh: 17 Februari 2014

**Gambar 2.20**

**Balai Raya Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Pinang Merah, Paka,  
Dungun  
Tarikh: 17 Februari 2014

**Gambar 2.21**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Balai Raya Kg. Batin, Seberang Takir,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 4 Februari 2014

- c. Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah Kuala Terengganu bertarikh 12 Februari 2014, memaklumkan bahawa penyenggaraan kecil dibuat menerusi peruntukan Pejabat Daerah dan YB DUN. Selain itu, pihaknya juga akan menyemak semula balai raya yang tidak diberi perhatian senggaraan.
- d. Maklum balas Pejabat Daerah Dungun bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan kerja-kerja pembaikan telah dimasukkan sebut harga baik pulih balai raya daerah Dungun dan balai raya Kg. Pinang Merah yang tidak disenggara akan dicadangkan untuk dirobuhkan kerana bangunan baru telah pun dibina untuk kegunaan JKKK.
- e. Manakala maklum balas Pejabat Daerah Besut bertarikh 27 Mac 2014, memaklumkan bahawa pihaknya telah pun mengarahkan pihak JKKK supaya membaiki kerosakan di balai raya di Kota Putera, Besut dan meminta agar sentiasa menjaga keadaan bangunan luar dan dalam serta kawasannya.

#### 2.4.3.3. Bil Utiliti Tertunggak

Bil utiliti hendaklah dijelaskan oleh JKKK mengikut tempoh yang ditetapkan. Hasil lawatan Audit terhadap 78 balai raya mendapati 2 buah balai raya telah dihentikan bekalan elektrik dan 4 buah balai raya telah dipotong bekalan air. Bil utiliti tersebut tertunggak antara 4 bulan hingga 3 tahun 7 bulan. Semakan Audit selanjutnya mendapati bil utiliti tersebut tidak dijelaskan kerana kurang seliaan oleh JKKK dan menyebabkan bekalannya ditamatkan. Kesannya, penduduk merasa tidak selesa menggunakan balai raya dan sesetengah aktiviti terpaksa dijalankan di tempat lain. Contoh balai raya yang terlibat dengan bil utiliti tertunggak adalah seperti di **Jadual 2.12**.

**Jadual 2.12**  
**Balai Raya Yang Mempunyai Bil Utiliti Tertunggak**

Bil.	Nama Balai Raya	Jumlah Tunggakan (RM)	Tempoh Tunggakan	Catatan
<b>Kuala Terengganu</b>				
<b>Tunggakan Bil Elektrik</b>				
1.	Balai Raya Kg. Duyong Sekolah (Besar)	276.35	1 tahun 6 bulan	(30 Ogos 2012 hingga 3 Mac 2014)
2.	Dewan Serba guna Kg. Losong Panglima Perang	463.25	4 bulan	(Disember 2012 hingga April 2013) Bekalan dipotong mulai bulan Mei 2013
<b>Tunggakan Bil Air</b>				
3.	Balai Raya Kg. Tanjung Jaafar	63.55	2 tahun 6 bulan	( Jun 2011 hingga Jun 2013) Bekalan dipotong Julai 2013
4.	Balai Raya Kg. Kubang Bujuk	161.50	4 bulan	Bekalan Air dipotong mulai bulan Januari 2014
5.	Balai Raya Kg. Padang Macang	256.15	3 tahun 7 bulan	( Januari 2010 hingga Julai 2013) Bekalan dipotong pada Julai 2013
<b>Besut</b>				
<b>Tunggakan Bil Air</b>				
6.	Balai raya di Kg. Lubuk Kawah, Besut	150.00	Tiada Maklumat	Bekalan dipotong pada 17.10.2013

Sumber : JKKK



**Pada pendapat Audit prestasi senggaraan balai raya adalah baik. Bagaimanapun JKKK dan Penghulu di Pejabat Daerah perlu mempertingkatkan pemantauan dengan mengadakan jadual berkala senggaraan supaya balai raya dapat disenggara mengikut tempoh dan selesa serta selamat digunakan oleh penduduk. Pihak Pejabat Daerah juga perlu menjalankan lawatan dan pemeriksaan bagi menilai keadaan balai raya dan memastikan JKKK menjelaskan bil-bil utiliti balai raya.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan lagi tahap Pengurusan Pembangunan Dan Penyenggaraan Balai Raya adalah disyorkan tindakan seperti berikut:

**2.5.1.** Pejabat Daerah perlu memantau projek pembinaan balai raya bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek dan memastikan kualiti dan kemas kerja dipatuhi serta reka bentuk yang sesuai supaya aktiviti mudah dijalankan.

**2.5.2.** Pejabat Daerah perlu memastikan bangunan balai raya didirikan di atas tanah kerajaan untuk mengelakkan kerugian sekiranya pemilik tanah membuat tuntutan terhadap tanah tersebut.

**2.5.3.** Pejabat Daerah perlu memastikan penglibatan Penghulu dipertingkatkan bagi menghidupkan aktiviti komuniti di balai raya.

**2.5.4.** Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk senggaraan bagi memastikan balai raya berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

# MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

## 3. PENGURUSAN PEROLEHAN

### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Tatacara Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Arahan Tetap PBT, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dari semasa ke semasa. Perolehan yang dimaksudkan ialah perolehan kerja dan bekalan yang dilaksanakan sama ada melalui perolehan terus, sebut harga atau tender. Sumber peruntukan PBT adalah daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana Majlis. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah disalurkan melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

**3.1.2.** Pada tahun 2011 hingga 2013, Majlis Perbandaran Dungun (MPD) dan Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) telah melaksanakan perolehan kerja dan bekalan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM121.07 juta. Kaedah pelaksanaan perolehan dan kos yang dibelanjakan sepanjang tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 3.1**. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 12 perolehan kerja yang berjumlah RM59.72 juta dilaksanakan melalui kaedah tender, manakala 299 atau RM35.84 juta perolehan melalui kaedah sebut harga dan 4,695 perolehan kerja dan bekalan yang berjumlah RM25.51 juta dilaksanakan melalui kaedah perolehan terus (termasuk sebanyak 66 perolehan atau RM7.80 juta adalah melalui kaedah rundingan terus).

**Jadual 3.1**  
**Perolehan Majlis Perbandaran Dungun dan Majlis Daerah Hulu Terengganu**  
**Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013**

Bil.	PBT	Jenis Perolehan						Jumlah	
		Perolehan Terus		Sebut Harga		Tender		Bil.	(RM Juta)
		Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)		
1.	MPD	1,929	12.11	178	21.55	4	30.63	2,111	64.29
2.	MDHT	2,766	13.40	121	14.29	8	29.09	2,895	56.78
<b>Jumlah</b>		<b>4,695</b>	<b>25.51</b>	<b>299</b>	<b>35.84</b>	<b>12</b>	<b>59.72</b>	<b>5,006</b>	<b>121.07</b>
<b>%</b>		<b>93.8</b>	<b>21.1</b>	<b>6.0</b>	<b>29.6</b>	<b>0.2</b>	<b>49.3</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Sumber : Majlis Perbandaran Dungun dan Majlis Daerah Hulu Terengganu

### 3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan telah dirancang dan dilaksanakan secara ekonomi, cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

### 3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini adalah meliputi perolehan bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail berkaitan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan MPD dan MDHT. Lawatan ke tapak projek, premis perniagaan dan temu bual dengan orang awam serta pegawai MPD dan MDHT yang terlibat juga dibuat.

### 3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan perolehan adalah baik. Sungguhpun begitu didapati kes-kes di mana terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan, perolehan yang dibuat tidak mencapai matlamat dan perolehan tidak mematuhi peraturan/syarat kontrak yang ditetapkan.

#### 3.4.1. Kelemahan Dalam Pengurusan Perolehan

##### 3.4.1.1. Projek Lewat Disiapkan Daripada Tempoh Yang Ditetapkan

- a. Kerja hendaklah disiapkan di dalam tempoh seperti mana yang telah ditetapkan di dalam kontrak dan Sijil Tidak Siap Kerja hendaklah dikeluarkan jika projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati, semua projek di MPD berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, manakala di MDHT 3 daripada 6 projek yang dilaksanakan gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan kemajuan fizikal kurang dari yang dijadualkan seperti di **Jadual 3.2**. Antara sebab kelewatan yang dikenal pasti adalah masalah luar jangka di tapak pembinaan, perubahan pelan atau susun atur dan anggaran tempoh siap kontraktor yang dipilih adalah tidak munasabah. Semakan lanjut Audit mendapati, tidak ada kelulusan Perakuan dan Lanjutan Masa (EOT) dipohon oleh kontraktor bagi projek KT/MDHT/01/2012 dan KT/MDHT/01/2013. Sehingga ke tarikh pengauditan, MDHT masih belum membuat sebarang tindakan berkenaan kelewatan tersebut. Manakala kelulusan EOT yang pertama telah diberikan kepada kontraktor projek KT/MDHT/02/2012 bagaimanapun kontraktor masih gagal menyiapkan projek dalam tempoh lanjutan. Perakuan Tidak Siap Kerja bagi projek tersebut telah dikeluarkan pada 24.12.2013 dan jumlah Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) yang patut dikenakan masih belum dapat dipastikan.

**Jadual 3.2**  
**Prestasi Pelaksanaan Projek di MDHT**

Bil.	No. Tender	Kos Projek (RM Juta)	Tarikh Patut Siap	Kemajuan Kerja (sehingga pada 31.01.14)		Tarikh Perakuan Tidak Siap Kerja	Kadar LAD Sehari (RM)
				Jadual (%)	Sebenar (%)		
1.	KT/MDHT/01/2012	3.92	06.11.13	100	88	-	729.60
2.	KT/MDHT/02/2012	2.65	23.07.13	100	59	24.12.13	493.75
3.	KT/MDHT/01/2013	3.83	23.02.14	80	13	-	600.00

Sumber: Minit Mesyuarat Tapak MDHT

**b. Mengikut maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014:**

**i. KT/MDHT/01/2012 (PPU)**

Pihak kontraktor telah membuat permohonan dan semakan dengan pihak perunding. Tidak ada pengesyoran daripada pihak perunding berkenaan alasan yang diberikan oleh kontraktor kerana alasan tidak menepati mana-mana klausa kontrak.

**ii. KT/MDHT/02/2012 (STP)**

Pihak kontraktor telah membuat permohonan dan telah diluluskan EOT NO.1 oleh Pegawai Kewangan Negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, kontraktor tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh lanjutan yang diberikan (1.10.2013). Kontraktor telah diberi notis penamatan kerja pada 24.12.2013. Notis tersebut juga telah dipanjangkan kepada pihak CIDB bagi menyenaraihitamkan kontraktor berkenaan.

**iii. KT/MDHT/01/2013 (Kerja Tanah)**

Pihak Majlis belum menerima permohonan EOT secara rasmi daripada kontraktor walaupun telah dimaklumkan.

**3.4.1.2. Maklumat Dalam Inden Kerja Tidak Lengkap**

Semua perolehan kerja hendaklah mempunyai tempoh masa dan kerja-kerja perlu disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

- a.** Semakan Audit terhadap 75 inden kerja di MDHT bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati semua maklumat di inden kerja diisi dengan lengkap. Bagaimanapun, di MPD didapati 100 inden kerja yang disemak tidak menyatakan tarikh siap kerja dalam inden menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan kerja-kerja telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- b.** Berdasarkan inden kerja, kerja-kerja perlu disiapkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh inden. Sebanyak 7 inden kerja menunjukkan tempoh siap kerja yang tidak munasabah di MPD seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Tempoh Siap Kerja Yang Tidak Munasabah di MPD**

Bil.	No. Sebut Harga	Kos Projek (RM)	Tarikh Inden	Tarikh Siap Kerja	Tarikh Pemeriksaan	Tempoh Siap Kerja (Hari)
1.	MPD/2/28/13	20,000	08.05.2013	08.05.2013	15.05.2013	0
2.	MPD/2/29/13	20,000	08.05.2013	09.05.2013	15.05.2013	1
3.	MPD/2/44/13	20,000	21.07.2013	22.07.2013	23.07.2013	1
4.	MPD/2/52/13	49,990	15.09.2013	15.09.2013	24.09.2013	0
5.	MPD/2/53/13	49,990	15.09.2013	15.09.2013	24.09.2013	0
6.	MPD/2/59/13	18,000	14.11.2013	18.11.2013	05.12.2013	4
7.	MPD/2/27/13	20,000	08.05.2013	09.05.2013	15.05.2013	1

Sumber: Fail MPD

- c. Berdasarkan maklum balas MPD bertarikh 18 Mac 2014, telah menjadi amalan pihak MPD dalam penyediaan inden kerja untuk tidak menyatakan tempoh masa bagi permulaan dan siap kerja kerana tidak ada prosedur kerja yang jelas bagi penyediaan inden.

#### 3.4.1.3. Proses Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, para 19.3 membenarkan pelanjutan masa bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000. Bagaimanapun, semua sebut harga bernilai kurang daripada RM200,000 di MPD dan MDHT yang lewat disiapkan juga dikeluarkan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa.

#### a. Permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Dibuat Selepas Tarikh Tamat Kontrak

- i. MPD dan MDHT hendaklah memastikan kontraktor membuat permohonan lanjutan masa sebelum tamat tempoh kontrak. Semakan Audit terhadap 41 permohonan lanjutan masa mendapati 11 daripadanya telah lewat dikemukakan kepada MPD dan MDHT untuk kelulusan iaitu selepas tamat tempoh kontrak masing-masing antara 4 hingga 90 hari dan 13 hingga 52 hari seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Selepas Kontrak Tamat**

Bil.	No. Sebut Harga	Kos Projek (RM)	Tarikh Kontrak Tamat (a)	Tarikh Permohonan Lanjutan Masa (b)	Tarikh Siap Sebenar	Tempoh Kelewatan (Hari) (b-a)
<b>MPD</b>						
1.	SH/MPD/05/12	267,300	18.08.2012	28.08.2012	24.10.2012	10
2.	SH/MPD/01/13	366,509	16.03.2013	20.03.2013	20.04.2013	4
3.	SH/MPD/20/13	181,434	06.04.2013	18.04.2013	20.05.2013	12
4.	SH/MPD/21/13	181,434	06.04.2013	16.04.2013	08.05.2013	10
5.	SH/MPD/24/13	181,434	06.04.2013	18.04.2013	18.05.2013	12
6.	SH/MPD/26/13	76,120	14.05.2013	12.08.2013	18.08.2013	90
7.	SH/MPD/33/13	191,135	10.08.2013	19.08.2013	17.09.2013	9

Bil.	No. Sebut Harga	Kos Projek (RM)	Tarikh Kontrak Tamat (a)	Tarikh Permohonan Lanjutan Masa (b)	Tarikh Siap Sebenar	Tempoh Kelewatan (Hari) (b-a)
<b>MDHT</b>						
1.	SH/MDHT/36/12	115,500	31.03.2013	25.04.2013	25.04.2013	25
2.	SH/MDHT/39/12	363,990	04.11.2012	07.12.2012	24.12.2012	33
3.	SH/MDHT/50/12	75,856	07.01.2013	20.01.2013	07.02.2013	13
4.	SH/MDHT/08/13	182,745	27.07.2013	17.09.2013	10.12.2013	52

Sumber: Fail MPD, MDHT

- ii. Mengikut maklum balas MPD bertarikh 18 Mac 2014, MPD menyatakan permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT) adalah disyaratkan kepada kontraktor kelas G2 sahaja iaitu untuk projek bernilai antara RM200,000 hingga RM500,000.
- iii. Maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014, menyatakan pihak MDHT telah memaklumkan kepada pihak kontraktor secara lisan sebelum tarikh kontrak tamat, memandangkan tempoh kerja adalah kurang dari 12 minggu. Bagaimanapun pihak kontraktor tidak mengambil perhatian yang serius dalam membuat permohonan lanjut masa tersebut.

#### b. Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Lewat Diluluskan

- i. Semakan Audit mendapati 14 daripada 41 permohonan lanjutan masa di MPD dan MDHT lewat diluluskan masing-masing antara 11 hingga 24 hari dan 7 hingga 183 hari seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**

#### Kelulusan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa Lewat Diluluskan

Bil.	No. Sebut Harga	Tarikh Kontrak Tamat	Tarikh Permohonan Lanjutan Masa (a)	Tarikh Lanjutan Masa Diluluskan (b)	Tempoh Kelewatan (Hari) (b-a)
<b>MPD</b>					
1.	SH/MPD/23/11	26.09.2011	25.09.2011	06.10.2011	11
2.	SH/MPD/26/11	14.11.2011	31.10.2011	24.11.2011	24
3.	SH/MPD/15/12	21.08.2012	16.08.2012	02.09.2012	17
4.	SH/MPD/16/13	20.04.2013	18.04.2013	06.05.2013	18
5.	SH/MPD/18/13	20.04.2013	18.04.2013	06.05.2013	18
6.	SH/MPD/23/13	20.04.2013	18.04.2013	06.05.2013	18
7.	SH/MPD/27/13	07.05.2013	06.05.2013	20.05.2013	14
<b>MDHT</b>					
1.	SH/MDHT/09/11	22.08.2011	22.08.2011	20.10.2011	59
2.	SH/MDHT/01/12	20.05.2012	19.05.2012	19.11.2012	183
3.	SH/MDHT/02/12	17.06.2012	17.06.2012	15.08.2012	59
4.	SH/MDHT/03/12	17.06.2012	17.06.2012	24.06.2012	7
5.	SH/MDHT/06/12	10.06.2012	03.06.2012	02.08.2012	60
6.	SH/MDHT/12/12	28.06.2012	28.06.2012	26.11.2012	151
7.	KT/MDHT/03/12	03.04.2013	23.03.2013	06.06.2013	75

Sumber: Fail MPD dan MDHT

- ii. **Maklum balas MPD bertarikh 18 Mac 2014**, menyatakan hanya kontraktor G2 sahaja yang disyaratkan untuk diberi kelulusan, manakala kontraktor G1 diberi kelonggaran dan tidak disyaratkan untuk mendapat kelulusan berkenaan. MPD pada masa akan datang tidak akan melaksanakan proses ini ke atas projek untuk kontraktor kelas G1.
- iii. **Berdasarkan maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014**, kelewatan berpunca daripada kelewatan pihak Majlis menerima surat permohonan daripada kontraktor bagi lanjutan masa.

#### 3.4.1.4. Sebut Harga Lewat Dibuka

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, Para 5.2 menetapkan sebut harga hendaklah dibuka secepat mungkin selepas sebut harga ditutup. Semakan Audit mendapati 35 daripada 158 sebut harga lewat dibuka antara 7 hingga 18 hari di MPD dan kelewatan antara 6 hingga 21 hari di MDHT seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
**Sebut Harga Lewat Dibuka**

Bil.	No. Fail Sebut Harga	Tarikh Sebut Harga Ditutup	Tarikh Sebut Harga Dibuka	Kelewatan (Hari)
<b>MPD</b>				
1.	SH/MPD/33/11	21.07.2011	02.08.2011	12
2.	SH/MPD/42/11	22.08.2011	06.09.2011	15
3.	SH/MPD/01/12	29.02.2012	18.03.2012	18
4.	SH/MPD/02/12	29.02.2012	18.03.2012	18
5.	SH/MPD/54/12	18.07.2012	02.08.2012	15
6.	SH/MPD/55/12	18.07.2012	02.08.2012	15
7.	SH/MPD/56/12	18.07.2012	02.08.2012	15
8.	SH/MPD/57/12	24.07.2012	02.08.2012	9
9.	SH/MPD/05/13	05.12.2013	12.12.2013	7
10.	SH/MPD/06/13	05.12.2013	12.12.2013	7
11.	SH/MPD/07/13	05.12.2013	12.12.2013	7
12.	SH/MPD/40/13	29.07.2013	05.08.2013	7
13.	SH/MPD/41/13	29.07.2013	05.08.2013	7
14.	SH/MPD/42/13	28.07.2013	05.08.2013	8
15.	SH/MPD/43/13	28.07.2013	05.08.2013	8
16.	SH/MPD/44/13	28.07.2013	05.08.2013	8
17.	SH/MPD/45/13	28.07.2013	05.08.2013	8
18.	SH/MPD/46/13	28.07.2013	05.08.2013	8
<b>MDHT</b>				
1.	SH/MDHT/14/2012	30.04.2012	13.05.2012	13
2.	SH/MDHT/15/2012	30.04.2012	10.05.2012	10
3.	SH/MDHT/18/2012	30.04.2012	13.05.2012	13
4.	SH/MDHT/36/2012	10.07.2012	31.07.2012	21
5.	SH/MDHT/37/2012	10.07.2012	31.07.2012	21
6.	SH/MDHT/09/2013	13.02.2013	19.02.2013	6
7.	SH/MDHT/11/2013	08.04.2013	14.04.2013	6
8.	SH/MDHT/20/2013	12.08.2013	19.08.2013	7
9.	SH/MDHT/88/2013	10.09.2013	17.09.2013	7
10.	SH/MDHT/57/2013	17.09.2013	25.09.2013	8

Sumber: Fail Sebut harga MPD dan MDHT

- b. **Maklum balas MPD dan MDHT masing-masing bertarikh 18 Mac 2014 dan 20 Mac 2014, menyatakan masalah berpunca daripada ketiadaan Pegawai pada tarikh tutup sebut harga kerana urusan di luar pejabat (kursus, mesyuarat, kerja luar pejabat).**

#### 3.4.1.5. Kelewatan Bayaran

- a. Majlis hendaklah mempercepatkan proses tuntutan oleh kontraktor untuk dibuat bayaran di peringkat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Semakan Audit mendapati, di MDHT tuntutan diselesaikan dalam tempoh 14 hari. Manakala di MPD proses tuntutan bayaran bagi 6 daripada 158 inden kerja mengambil masa antara 30 hingga 48 hari sebelum dikemukakan kepada Pejabat SUK untuk bayaran seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**

**Tuntutan Bayaran Lewat Dikemukakan Oleh MPD Kepada SUK**

Bil.	No. Kontrak	Nilai Kontrak (RM)	Tarikh Siap Kerja	Tarikh Inden Diserah (a)	Tarikh Yang DiPertua Tandatangani Inden Kerja	Tarikh Surat Tuntutan Bayaran Kepada SUK (b)	Kelewatan (Hari) (b-a)
1.	SH/MPD/04/11	92,350	30.09.2011	15.09.2011	31.10.2011	02.11.2011	48
2.	SH/MPD/15/11	76,300	30.08.2011	30.08.2011	28.09.2011	29.09.2011	30
3.	SH/MPD/06/12	166,390	07.07.2012	07.07.2012	05.08.2012	09.08.2012	33
4.	SH/MPD/09/12	172,800	23.06.2012	23.06.2012	07.08.2012	08.08.2012	46
5.	SH/MPD/07/13	124,996	15.06.2013	15.06.2013	11.07.2013	21.07.2013	36
6.	SH/MPD/12/13	118,008	16.05.2013	16.05.2013	16.06.2013	18.06.2013	33

Sumber : Fail Sebut Harga MPD

- b. **Berdasarkan maklum balas MPD bertarikh 18 Mac 2014, proses tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh MPD ke SUK disebabkan oleh penerimaan dokumen sokongan untuk bayaran daripada pihak kontraktor tidak lengkap.**

#### 3.4.1.6. Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani dan dimuktamadkan oleh kedua-dua belah pihak dan oleh pihak yang diberi kuasa dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati, dokumen kontrak di MPD ditandatangani dalam tempoh masa yang ditetapkan manakala di MDHT, 3 daripada 6 kontrak lewat ditandatangani antara 35 hingga 115 hari seperti di **Jadual 3.8**.



**Jadual 3.8**  
**Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani Di MDHT**

No. Tender	Tarikh Surat Setuju Terima	Tarikh Akhir Kontrak Patut Ditandatangani (a)	Tarikh Kontrak Ditandatangani (b)	Tarikh Perjanjian Kontrak Dimeteri	Kelewatan (Hari)
					(b-a)
KT/MDHT/01/2011	23.06.2011	23.10.2011	27.11.2011	19.12.2011	35
KT/MDHT/01/2012	16.10.2012	16.02.2012	10.06.2013	17.06.2013	115
KT/MDHT/02/2012	16.10.2012	16.02.2012	20.05.2013	29.05.2013	94

Sumber: Dokumen Kontrak Projek MDHT

- b. **Mengikut maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014, kelewatan menandatangani kontrak bagi projek Cerucuk dan Substruktur (KT/MDHT/01/2011) dan Sistem Kumbahan Berpusat (KT/MDHT/02/2012) adalah disebabkan pihak kontraktor lewat mengemukakan surat pengesahan PERKESO.**

#### **3.4.1.7. Kontrak Pelantikan Perunding Belum Ditandatangani/Dimuktamadkan**

Arahan Perbendaharaan 188 menyatakan apabila perkhidmatan perunding telah diluluskan, satu perjanjian hendaklah ditandatangani di antara pihak Kementerian/Jabatan dengan perunding yang telah dilantik. Dalam perjanjian tersebut, hendaklah dinyatakan dengan jelas, antara lain, perkara-perkara seperti skop kerja perunding, kos perkhidmatan perunding, syarat-syarat pembayaran dan butiran-butiran berkaitan. Semakan Audit mendapati, AHS Architects Sdn Bhd telah dilantik sebagai Perunding Utama bagi Projek Pembinaan 47 Unit Kedai/Pejabat Yang Mengandungi Blok A, B, C, D dan E di Pekan Ajil yang dilaksanakan secara berpakej. Anggaran kos keseluruhan projek adalah berjumlah RM40.0 juta dan sehingga akhir tahun 2013 sejumlah RM9.86 juta telah dibayar. Semakan lanjut Audit mendapati kontrak tersebut tidak ditandatangani dan yuran perunding belum ditetapkan walaupun sebahagian pakej tersebut telah disiapkan. **Berdasarkan maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014, pihak MDHT telah menyuarakan perkara ini, dan telah dibangkitkan dalam mesyuarat bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).**

**Pada pendapat Audit, perolehan yang dibuat dengan tidak cekap boleh menyebabkan kepentingan Kerajaan dalam perolehan tidak terjamin.**

#### **3.4.2. Perolehan Dibuat Tidak Mencapai Matlamat**

##### **3.4.2.1. Medan Selera Kuala Jeneris Yang Belum Disewa dan Tidak Disenggarakan**

- a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, memanjangkan hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Lawatan Audit ke Medan Selera Kuala Jeneris pada 9 Januari 2014 mendapati bangunan tambahan yang bernilai RM179,900 yang siap

dibina pada 13 Disember 2010 belum disewakan. Keadaan persekitaran yang kotor akibat banjir serta perbuatan vandalisme seperti kehilangan kepala paip juga telah berlaku. Selain itu bangunan asal yang dibina pada tahun 2000 dengan kos berjumlah RM887,154 juga mengalami kerosakan dan tidak ada penyenggaraan dilakukan. Antara kerosakan adalah seperti siling surau dan tandas yang pecah, kerosakan lampu serta kekotoran kawasan persekitaran akibat tidak ada sistem saliran yang sempurna seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**.

**Gambar 3.1**  
**Persekitaran Medan Selera Yang Kotor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Kuala Jeneris,  
Hulu Terengganu  
Tarikh: 9 Januari 2014

**Gambar 3.2**  
**Lantai Kotor dan Berlumpur**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Kuala Jeneris,  
Hulu Terengganu  
Tarikh: 9 Januari 2014

**Gambar 3.3**  
**Keadaan Koridor dan Laluan Ke Bangunan Tambahan Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Kuala Jeneris,  
Hulu Terengganu  
Tarikh: 9 Januari 2014

**Gambar 3.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Medan Selera Kuala Jeneris,  
Hulu Terengganu  
Tarikh: 9 Januari 2014

- b. **Mengikut maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014, Medan Selera Kuala Jeneris tidak disewakan kerana mengalami rosak yang teruk akibat banjir besar dan juga kerana projek pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) dari Gemuruh di Kuala Terengganu ke Kuala Jeneris.**

### 3.4.2.2. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Belum Beroperasi


- a. Pada bulan Disember 2012, sejumlah RM400,000 telah dibelanjakan melalui peruntukan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk membina dan menaik taraf Kemudahan Infrastruktur dan Pembinaan Pejabat Urusan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDHT. Antaranya pembinaan kabin, *washing bay* dan rem konkrit. Tujuan pembinaan adalah sebagai tapak transit sebelum sampah dibawa ke tapak pelupusan di Daerah Marang. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai MDHT bahawa tapak pelupusan di Daerah Marang masih belum dibina dan telah disahkan oleh pegawai di Majlis Daerah Marang. Lawatan Audit pada bulan Januari 2014 mendapati tapak pelupusan yang dibina masih belum beroperasi. Pejabat urusan dan antara kemudahan infrastruktur yang dibina adalah seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

**Gambar 3.5**  
**Pejabat Urusan, Stor dan Tandas**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDHT  
Tarikh: 8 Januari 2014

**Gambar 3.6**  
**Washing Bay**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDHT  
Tarikh: 8 Januari 2014

- b. Tinjauan Audit ke lokasi juga mendapati, tapak pelupusan dibina berhampiran dengan sungai dan jalan utama ke Bandar Kuala Berang dan Pekan Ajil. Semasa banjir pada bulan Januari 2014, tapak yang dibina telah dinaiki air dan kesannya berlaku hakisan tanah di tapak serta jalan jejari seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**.

**Gambar 3.7**  
**Hakisan Tanah di Tapak Pelupusan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDHT  
Tarikh: 8 Januari 2014

**Gambar 3.8**  
**Hakisan Pada Jalan Jejeri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDHT  
Tarikh: 8 Januari 2014

- c. **Mengikut maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014, pihak MDHT telah menyewakan tapak kepada MHR Sepakat, untuk menjalankan operasi pada 1 November 2013 tetapi ditangguhkan kerana tapak pelupusan terlibat dengan banjir sehingga akhir bulan Januari 2014.**

#### **3.4.2.3. Gerai Buah-buahan di Pekan Ajil Belum Disewakan Sepenuhnya**

- a. Sebanyak 20 unit gerai buah-buahan di Pekan Ajil siap dibina pada tahun 2010 dengan kos berjumlah RM299,697 manakala 18 unit gerai tambahan dengan kos RM286,000 telah disiapkan pada tahun 2011. Tujuan pembinaan adalah bagi menggantikan tapak sedia ada yang terlibat dengan rancangan penyusunan semula Pekan Ajil. Lawatan Audit pada bulan Januari 2014 mendapati daripada 38 unit gerai yang dibina 6 unit belum disewakan manakala 17 unit daripada 32 unit gerai yang disewakan tidak beroperasi. Oleh yang demikian, peniaga telah mengambil inisiatif untuk mengubah konsep perniagaan dari jualan buah-buahan kepada jualan makanan, kraf tangan dan perkhidmatan gunting rambut seperti di **Gambar 3.9** hingga **Gambar 3.12**. Selain itu, sehingga 31 Disember 2013, tunggakan sewa adalah berjumlah RM59,670.

**Gambar 3.9**  
**Aktiviti Perniagaan Makanan**  
**Oleh Penyewa**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gerai Buah Pekan Ajil  
Tarikh: 9 Januari 2014

**Gambar 3.10**  
**Gerai Yang Disewakan**  
**Tidak Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gerai Buah Pekan Ajil  
Tarikh: 9 Januari 2014

**Gambar 3.11**  
**Gerai Yang Disewakan Tidak Beroperasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gerai Buah Pekan Ajil  
Tarikh: 9 Januari 2014

**Gambar 3.12**  
**Gerai Belum Disewakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Gerai Buah Pekan Ajil  
Tarikh: 9 Januari 2014

- b. **Berdasarkan maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014, MDHT menyatakan pembinaan gerai buah ini kurang mendapat sambutan daripada peniaga dan orang ramai di kawasan tersebut kerana kedudukan gerai agak jauh dari jalan masuk. Selain itu, jenis perniagaan yang ditetapkan hanya buah-buahan sahaja.**

#### **3.4.2.4. Pasar Baru Paka Belum Dapat Disewakan**

- a. Projek Pasar Baru Paka bernilai RM9.09 juta telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan telah siap pada 29 Oktober 2009. Pasar tersebut telah diserahkan kepada MPD pada 12 April 2011. Semakan Audit terhadap fail Pasar Baru Paka dan lawatan Audit pada bulan Januari 2014 mendapati 79 daripada 123 kedai/gerai dan keseluruhan lantai tingkat 2 masih belum dapat disewakan seperti di **Jadual 3.9**. Keadaan kedai/gerai yang belum disewakan adalah seperti di **Gambar 3.13** hingga **Gambar 3.18**.

**Jadual 3.9**  
**Bilangan Gerai Yang Belum Disewa**

Lokasi	Bil. Kedai/Gerai Keseluruhan	Bil. Gerai Disewakan	Bil. Gerai Belum Disewakan
Tingkat Bawah	81	42	39
Tingkat 1	42	2	40
Tingkat 2	-	-	keseluruhan lantai tingkat 2
<b>Jumlah</b>	<b>123</b>	<b>44</b>	<b>79</b>

Sumber : Fail Pasar Baru Paka

**Gambar 3.13**  
**Gerai Basah Tingkat Bawah**  
**Belum Disewakan**



Sumber : Jabatan Audit Negara  
 Lokasi : Tingkat Bawah, Pasar Baru Paka, Dungun  
 Tarikh : 8 Januari 2014

**Gambar 3.14**  
**Gerai Makan Tingkat Bawah**  
**Belum Disewakan**



Sumber : Jabatan Audit Negara  
 Lokasi : Tingkat bawah, Pasar Baru Paka, Dungun  
 Tarikh: 28 Januari 2014

**Gambar 3.15**  
**Gerai Di Tingkat 1 Yang Belum Disewakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi : Tingkat 1, Pasar Baru Paka, Dungun  
 Tarikh: 8 Januari 2014

**Gambar 3.16**  
**Gerai Di Tingkat 1 Yang Belum Disewakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
 Lokasi : Tingkat 1, Pasar Baru Paka, Dungun  
 Tarikh: 28 Januari 2014

**Gambar 3.17**  
**Keseluruhan Lantai Tingkat 2 Belum Disewakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tingkat 2, Pasar Baru Paka, Dungun  
Tarikh: 15 Januari 2014

**Gambar 3.18**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tingkat 2, Pasar Baru Paka, Dungun  
Tarikh: 15 Januari 2014

- b. **Maklum balas MPD pada 11 Mac 2014, pihak MPD menyatakan usaha-usaha telah dilakukan untuk menyewakan ruang niaga di Pasar Baru Paka, bagaimanapun tiada sambutan daripada orang awam dan keengganan peniaga-peniaga di pasar lama berpindah ke pasar baru.**

#### **3.4.2.5. Pasar Besar Kuala Berang Belum Disewakan Sepenuhnya**

Pasar Besar Kuala Berang telah disiapkan pada 5 September 2010 dengan kos berjumlah RM9.49 juta. Sepanjang tahun 2011 hingga 2013 sejumlah RM467,600 telah dibelanjakan bagi kerja-kerja pengubahsuaian ruang niaga serta pasar basah. Lawatan Audit pada 13 Januari 2014, mendapati masih terdapat ruang niaga di Tingkat 1 dan di Pasar Basah yang belum disewakan. Tunggakan hasil sewaan bagi pasar kering dan pasar basah sehingga 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM128,468. **Maklum balas MDHT bertarikh 20 Mac 2014, menyatakan ruang niaga di tingkat atas Pasar Besar Kuala Berang kurang mendapat sambutan daripada peniaga/penyewa dan orang ramai.**

**Pada pendapat Audit, perolehan yang dibuat tetapi tidak digunakan mengikut tujuan perolehan adalah satu pembaziran.**

#### **3.4.3. Perolehan Tidak Mematuhi Peraturan Yang Ditetapkan**

##### **3.4.3.1. Penggunaan Khidmat Kenderaan Tidak Mengikut Peraturan**

- a. Berdasarkan Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 3 Tahun 2010, penggunaan khidmat pengangkutan adalah dibenarkan bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM500,000 serta memenuhi salah satu kriteria berikut:
- i. Jalan masuk yang tidak berturap dan sukar dilalui dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda; atau

- ii. Melibatkan pembinaan kompleks bangunan dan kawasan tapak bina yang luas (melebihi 40 ekar); atau
  - iii. Pembinaan projek berbentuk linear yang tidak ada akses di sepanjang jajarannya melebihi 1 km; atau
  - iv. Melibatkan kawasan tapak bina yang sukar dilalui seperti berbukit bukau, berpaya dan sebagainya.
- b. Selain itu, logo Majlis hendaklah ditampal di kedua-dua pintu hadapan, di sebelah kanan dan kiri kenderaan.
- c. Semakan Audit mendapati item bagi 2 buah kenderaan Honda CRV telah dimasukkan ke dalam *Bill Of Quantities* (BQ) bagi 2 projek iaitu Projek Pembinaan Longkang Utama di Kampung Sura Tengah, Dungun dan Projek Pembinaan Longkang Utama di Kampung Bunga Raya, Mukim Sura, Dungun. Kos untuk kedua-dua projek masing-masing adalah berjumlah RM2.58 juta dan RM2.99 juta. Kedua-dua item kenderaan ini tidak sepatutnya dimasukkan ke dalam BQ kerana projek tersebut tidak memenuhi semua kriteria dalam Surat Arahan tersebut. Selain itu, logo Majlis juga tidak ditampal di pintu depan, sebelah kanan dan kiri kenderaan seperti di **Gambar 3.19** dan **Gambar 3.20**.

**Gambar 3.19**  
Kenderaan Untuk Projek Kg. Sura Tengah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Majlis Perbandaran Dungun  
Tarikh: 29 Januari 2014

**Gambar 3.20**  
Kenderaan Untuk Projek Kg. Bunga Raya



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Majlis Perbandaran Dungun  
Tarikh: 29 Januari 2014

- d. **Berdasarkan maklum balas MPD bertarikh 18 Mac 2014, anggaran kos jabatan telah mematuhi syarat yang dinyatakan dalam Surat Arahan KPKR Bil. 3 Tahun 2010 iaitu RM3.0 juta. Kedua-dua tender telah disediakan oleh perunding berpengalaman. Pada masa yang sama pihak MPD mengakui Majlis kekurangan kenderaan untuk melaksanakan tugas harian dan kenderaan bagi projek-projek ini akan menjadi hak milik MPD selepas penyerahan projek.**



### **3.4.3.2. Dokumen Kontrak Tidak Disediakan Untuk Pembelian Meter Tempat Letak Kenderaan**

Dokumen kontrak hendaklah disediakan dan ditandatangani bagi perolehan dan pembayaran yang dibuat secara berperingkat-peringkat. Semakan Audit mendapati tidak ada dokumen kontrak disediakan bagi pembelian meter bernilai RM1.16 juta di antara pihak MPD dan pembekal. Pembelian meter tersebut dibuat dengan terma dan syarat-syarat di mana pembayaran dibuat secara berperingkat iaitu 40% semasa pesanan dibuat, 30% selepas penghantaran lengkap dibuat dan baki 30% dibuat dalam tempoh 2 bulan selepas penghantaran. Tempoh jaminan adalah selama 12 bulan dan kursus serta latihan diberikan kepada kakitangan MPD. **Berdasarkan maklum balas MPD bertarikh 28 Mei 2014, pihak MPD bersetuju dengan teguran Audit dan menjelaskan bahawa surat persetujuan dengan terma dan syarat pembelian yang dinyatakan oleh pembekal ada dikeluarkan dan syarat tersebut termasuk latihan telah dipatuhi dan diberikan oleh pembekal.**

**Pada pendapat Audit, kelemahan dalam prosedur perolehan telah menyebabkan perolehan yang dibuat tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan perolehan adalah disyorkan:

**3.5.1.** MPD dan MDHT hendaklah merancang perolehan dengan teliti supaya aset yang diperolehi digunakan sewajarnya.

**3.5.2.** MPD dan MDHT hendaklah memastikan sebut harga dibuka dengan segera supaya proses lantikan kontraktor dan perolehan dapat dijalankan sebagaimana dijadualkan.

**3.5.3.** MDHT hendaklah memastikan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

## 4. SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.

### 4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 November 1997. Syarikat ini ditubuhkan berikutan pengkorporatan aktiviti bekalan air Negeri Terengganu. Pada awal penubuhannya, SATU mempunyai 2 pemegang saham sebelum diambil alih oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) dengan pegangan saham berjumlah RM50.0 juta. Pada 30 Mei 2007, pemilikan saham ini telah dipindahkan kepada Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB). Dengan pemindahan ini, SATU menjadi anak syarikat kepada TISB. Saham yang dibenarkan adalah berjumlah RM100.0 juta dan sehingga 31 Disember 2012 saham berbayar berjumlah RM100.0 juta dipegang sepenuhnya oleh TISB.

4.1.2. SATU mempunyai enam orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Menteri Besar Terengganu (Pengerusi), Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Pegawai Kewangan Negeri Terengganu, Penasihat Undang-undang Negeri Terengganu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Pengangkutan Awam Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Tugas-tugas Khas Negeri. Pengurusan syarikat diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dibantu oleh 528 orang kakitangan yang terdiri daripada 37 orang eksekutif dan 491 orang bukan eksekutif.

4.1.3. SATU bertanggungjawab untuk mentadbir, mengurus dan menyelia semua kerja air serta membangun dan menyenggarakan kemudahan untuk membekal air dirawat yang mencukupi kepada pengguna di seluruh Negeri Terengganu. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad, SATU perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

### 4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan SATU adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur dan selaras dengan objektif penubuhan.

### 4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat SATU bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti SATU. Analisis prestasi kewangan

bagi tempoh 5 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2008 hingga 2012. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai SATU yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan Audit turut dijalankan ke Stor Pusat SATU Gong Badak, Woksyop Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal SATU, Stor SATU Dungun, Loji Rawatan Air Kepong II dan Tasik Kenyir.

#### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Februari 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Namun begitu prestasi SATU menunjukkan kedudukan kewangan yang kurang memuaskan kerana mengalami kerugian bagi tempoh 5 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2008 hingga 2012. Jumlah kerugian yang semakin meningkat bermula pada tahun 2008 menjadikan SATU mempunyai kerugian terkumpul berjumlah RM59.09 juta pada tahun 2012. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Penutupan Loji Rawatan Air Tasik Kenyir.
- Kerugian dalam pelaburan.
- Pelarasan hutang dengan Kerajaan Negeri belum mendapat kelulusan.
- Bayaran sewa pajak tidak mematuhi perjanjian.
- Pelaksanaan *Integrity Pack* dalam perolehan tidak dipatuhi.
- Pengurusan aset lemah.

##### **4.4.1. Prestasi Kewangan**

SATU telah menyediakan penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Bagi Entiti Persendirian dan peruntukan Akta Syarikat 1965. Bagi menilai prestasi kewangan SATU, analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2012. Tahun kewangan SATU bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember. Hasil analisis yang dijalankan adalah seperti berikut:

###### **4.4.1.1. Analisis Trend**

- a. SATU memperolehi pendapatan melalui aktiviti utamanya iaitu jualan air bersih di samping lain-lain pendapatan seperti jualan ke atas peralatan paip air, dividen pelaburan, hibah bank dan lain-lain. Pendapatan SATU meningkat sejumlah RM4.67 juta (4.9%) hingga RM6.21 juta (6.2%) bagi tempoh 2008 hingga 2012 di mana aktiviti utama SATU menyumbang peningkatan hasil sejumlah RM2.27 juta (2.2%) hingga RM6.42 juta (7.0%) bagi tempoh tersebut. Di antara faktor peningkatan hasil adalah peningkatan penggunaan air bersih dan penambahbaikan dalam pengurusan pembilan.


- b. Perbelanjaan SATU terdiri daripada kos operasi dan perbelanjaan am dan pentadbiran. Bagi tempoh 2008 hingga 2012, perbelanjaan SATU meningkat sejumlah RM3.78 juta (3.6%) hingga RM8.21 juta (8.6%) di mana perbelanjaan pada tahun 2008 adalah yang tertinggi iaitu sejumlah RM8.21 juta (8.6%) dan diikuti tahun 2012 sejumlah RM7.62 juta (6.7%). Perbelanjaan pada tahun 2012 meningkat berbanding tahun 2011 yang melibatkan perbelanjaan antaranya gaji dan elaun (6.4%); elektrik dan air (2.8%); penyelenggaraan sistem bekalan air (37.8%); perkhidmatan keselamatan (39.5%); penyenggaraan bangunan (61.4%); perkhidmatan pakar runding (149.0%) dan yuran tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (100%). Peningkatan perbelanjaan gaji dan elaun yang agak ketara bagi tahun tersebut disebabkan pelaksanaan struktur baru SATU yang mula dilaksanakan. Begitu juga dengan perbelanjaan perkhidmatan keselamatan yang meningkat setelah pelaksanaan gaji minimum pengawal keselamatan. Manakala yuran tahunan SPAN merupakan tahun pertama SATU dikenakan bayaran tersebut.
- c. Bagi tempoh 2008 hingga 2012, SATU telah mencatatkan kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM0.56 juta (2008), RM4.11 juta (2009), RM1.67 juta (2010), RM2.96 juta (2011) dan RM5.03 juta (2012). Walaupun SATU memperolehi peningkatan pendapatan antara 4.9% hingga 6.2% bagi tempoh tersebut, namun begitu masih lagi tidak mampu untuk menampung perbelanjaan operasi yang turut meningkat antara 3.6% hingga 8.6%. Kerugian yang dialami semenjak tahun 2008 menjadikan kerugian terkumpul SATU meningkat kepada RM59.09 juta pada tahun 2012. Selain itu, kadar tarif air yang tidak pernah dibuat semakan semenjak tahun 1997 dan sewa pajak berjumlah RM30.0 juta setahun turut menjadi faktor SATU mengalami kerugian.
- d. Analisis Audit mendapati jumlah aset SATU menurun berbanding liabiliti bagi tahun 2010 dan 2011. Ini bermakna bagi tahun tersebut syarikat mempunyai kekurangan ekuiti pemegang saham sejumlah RM1.36 juta pada tahun 2010 dan RM4.15 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, SATU mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham bernilai RM40.91 juta bagi tahun 2012 setelah berlaku penambahan modal berbayar RM50.0 juta pada tahun tersebut.
- e. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan/kerugian tahunan serta keuntungan/kerugian terkumpul SATU bagi tahun kewangan 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.

**Jadual 4.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung/Rugi SATU Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan				
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan Aktiviti	92.13	98.55	103.50	105.77	112.75
Perbelanjaan Operasi	53.49	61.12	63.76	68.05	74.48
<b>Untung Kasar</b>	<b>38.64</b>	<b>37.43</b>	<b>39.74</b>	<b>37.72</b>	<b>38.27</b>
Lain-lain Pendapatan	2.94	1.19	2.45	5.84	4.41
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	42.08	42.68	43.83	46.46	47.65
<b>Rugi Operasi</b>	<b>-0.50</b>	<b>-4.06</b>	<b>-1.64</b>	<b>-2.90</b>	<b>-4.97</b>
Kos Kewangan	0.06	0.05	0.03	0.06	0.06
<b>Rugi Sebelum Cukai</b>	<b>-0.56</b>	<b>-4.11</b>	<b>-1.67</b>	<b>-2.96</b>	<b>-5.03</b>
Cukai	-0.54	0.12	0.10	0.17	0.09
<b>Rugi Selepas Cukai</b>	<b>-1.10</b>	<b>-3.99</b>	<b>-1.57</b>	<b>-2.79</b>	<b>-4.94</b>
Zakat	-	0.02	-	-	-
<b>Rugi Selepas Cukai Dan Zakat</b>	<b>-1.10</b>	<b>-4.01</b>	<b>-1.57</b>	<b>-2.79</b>	<b>-4.94</b>
<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>-45.78</b>	<b>-49.79</b>	<b>-51.36</b>	<b>-54.15</b>	<b>-59.09</b>


Sumber: Penyata Kewangan SATU

**Carta 4.1**  
**Trend Kerugian Sebelum Cukai Dan Kerugian Terkumpul SATU Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2012**



Sumber: Penyata Kewangan SATU

**Carta 4.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan SATU Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2012**



#### 4.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan SATU, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan SATU bagi tahun kewangan 2008 hingga 2012. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Hasil Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan				
	2008	2009	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	0.98:1	0.94:1	0.93:1	0.85:1	1.72:1
Margin Untung Bersih	-0.6%	-4.2%	-1.6%	-2.8%	-4.5%
Pulangan Atas Aset	-0.02:1	-0.06:1	-0.02:1	-0.03:1	-0.06:1
Pulangan Atas Ekuiti	-0.02:1	-0.08:1	-0.03:1	-0.06:1	-0.05:1
Nisbah Hutang	0.94:1	1:1	1.02:1	1.05:1	0.52:1

Sumber: Penyata Kewangan SATU

##### a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Pada amnya nisbah 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Analisis Audit mendapati kadar kecairan SATU bagi tahun 2012 adalah 1.72:1 meningkat berbanding pada tahun-tahun sebelumnya. Tahap kecairannya yang meningkat adalah disebabkan oleh penurunan dalam liabiliti semasa terutamanya jumlah terhutang kepada Kerajaan Negeri. Justeru itu, dengan peningkatan nisbah ini pada tahun 2012 menunjukkan kemampuan aset semasa SATU untuk ditukar segera kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendek adalah lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya.

##### b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik. Analisis Audit mendapati margin untung bersih SATU pada tahun 2012 adalah -4.5% iaitu semakin menurun berbanding -2.8% pada tahun 2011 dan -1.6% pada tahun 2010. Manakala margin untung bersih SATU pada tahun 2009 adalah -4.2% iaitu menurun berbanding -0.6% pada tahun 2008. Ini menunjukkan margin untung bersih SATU bagi tempoh 2008 hingga 2012 adalah kurang memuaskan. Peningkatan perbelanjaan pentadbiran seperti ganjaran dan persaraan (54.2%); penyenggaraan bangunan (68.3%); perkhidmatan pakar runding (145.4%) dan yuran tahunan SPAN

(100%) antara faktor yang menyumbang kepada penurunan margin untung bersih pada tahun 2012.

**c. Pulangan Ke Atas Aset**

Pulangan ke atas aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh dari setiap aset yang digunakan semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan aset yang semakin menurun pada tahun 2012 menunjukkan tahap kecekapan SATU menguruskan asetnya adalah kurang memuaskan berbanding tahun sebelumnya.

**d. Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Pulangan ke atas ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemilikinya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan SATU menguruskan modalnya menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh peningkatan modal berbayar sejumlah RM50.0 juta pada tahun 2012.

**e. Nisbah Hutang**

Nisbah hutang adalah menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung untuk menghasilkan aset syarikat. Mengikut standard yang biasa, nisbah hutang berbanding aset adalah pada kadar 0.5:1, iaitu jumlah hutang kurang 50% daripada aset adalah dianggap *prudent*. Dengan membandingkan jumlah liabiliti ke atas jumlah aset mendapati pada tahun 2012, SATU telah mengalami penurunan nisbah hutang yang ketara berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh penurunan jumlah terhutang kepada Kerajaan Negeri.

**f. Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 09 Mac 2014, kerugian SATU yang bermula sejak 2008 adalah didorong oleh kadar tarif air yang tidak pernah disemak sehingga kini iaitu hampir 17 tahun walaupun permohonan untuk menaikkan tarif tersebut telah pun dibuat. Kos elektrik yang meningkat, di mana setiap kali ada kenaikan tarif elektrik, ia memberi kesan langsung kepada kenaikan kos operasi SATU memandangkan kesemua loji SATU beroperasi selama 24 jam setiap hari.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan SATU adalah kurang memuaskan di mana syarikat telah mencatatkan kerugian berturut-turut semenjak tahun 2008 hingga 2012 dengan kerugian terkumpul sejumlah RM59.09 juta.**

#### **4.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Kegiatan utama SATU adalah aktiviti perniagaan pembekal air bersih yang merangkumi aktiviti pengambilan air mentah, rawatan air, bekalan dan jualan air bersih kepada pengguna-pengguna di negeri Terengganu. Di samping itu, SATU juga menjalankan aktiviti mencegah kehilangan Air Yang Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*). Dalam usaha mempelbagaikan peluang perniagaan SATU juga menjalin usahasama dengan membuat pelaburan di dalam lain-lain syarikat dan menjalankan perniagaan barang-barang dan peralatan paip air.

##### **4.4.2.1. Perniagaan Membekal Air Bersih**

Secara keseluruhannya, prestasi perniagaan membekal air bersih adalah baik kerana memperolehi keuntungan kasar tiap-tiap tahun dari tahun 2009 hingga 2013. Pada tahun 2013 jumlah jualan air bersih berjumlah RM120.0 juta berbanding RM112.75 juta pada tahun 2012, peningkatan sejumlah RM7.25 juta iaitu 6.4%. Manakala keuntungan kasar pada tahun 2013 berjumlah RM45.25 juta berbanding RM38.27 juta pada tahun 2012, peningkatan RM6.98 juta iaitu 18.2%. Bagaimanapun kedudukan untung kasar menurun pada tahun 2011 tetapi meningkat semula bagi tahun 2012 dan 2013. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Kedudukan Prestasi Jualan Air Tahun 2009 Hingga 2013**

<b>Tahun</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013*</b>
Jualan (RM Juta)	98.55	103.50	105.77	112.75	120.00
<b>% Peningkatan</b>	-	<b>5.0%</b>	<b>2.2%</b>	<b>6.6%</b>	<b>6.4%</b>
Untung Kasar (RM Juta)	37.43	39.74	37.72	38.27	45.25
<b>% Peningkatan/Penurunan</b>	-	<b>6.2%</b>	<b>-5.1%</b>	<b>1.5%</b>	<b>18.2%</b>

Sumber: Penyata Kewangan SATU

Nota : \* Penyata Belum Beraudit. Maklumat Berdasarkan Laporan SATU

##### **4.4.2.2. Penutupan Loji Rawatan Air Tasik Kenyir**

Pembinaan loji rawatan air hendaklah dibuat berasaskan kepada keperluan dan pembangunan sesebuah kawasan dan mengikut kapasiti yang dirancang. Selain daripada itu bagi memastikan tujuan pembinaan loji rawatan air tercapai pihak syarikat hendaklah memastikan pelaburan yang dibuat tidak sia-sia. Lawatan Audit ke Loji Rawatan Air (LRA) Tasik Kenyir bersama pegawai SATU pada 28 Januari 2014 dan 18 Februari 2014 mendapati loji rawatan air yang siap dibina pada tahun 2003 dengan kos berjumlah RM28.20 juta telah ditutup sejak tahun 2007. Loji ini hanya beroperasi lebih kurang 4



tahun semenjak ia disiapkan pada bulan Mei 2003. Pihak Audit difahamkan oleh pegawai SATU di antara sebab-sebab penutupan adalah kerana tidak ekonomi disebabkan kos operasi yang tinggi, kurang permintaan penggunaan air bersih dan pembesaran Loji Rawatan Air di Kuala Berang yang dapat memenuhi permintaan bekalan air bersih di sekitar kawasan Tasik Kenyir. Ekoran daripada penutupan ini pihak SATU tidak membuat penyenggaraan dan penjagaan yang sewajarnya terhadap peralatan, bangunan dan kawasan persekitaran loji yang telah mengakibatkan berlaku keadaan di mana peralatan terbiar dan persekitaran kawasan loji yang ditumbuhi dengan semak samun seperti berikut:

**a. Peralatan Terbiar**

- i. Pihak audit mendapati sebahagian peralatan yang boleh diasingkan telah dibawa ke Woksyop Bahagian Mekanikal dan Elektrikal SATU manakala beberapa peralatan yang lain terbiar seperti peralatan makmal, server komunikasi, pengepam bahan kimia (*dosing pump*), *Dissolve Air Flotation* (DAF), bangunan jana kuasa, bangunan loji dan meter penunjuk bacaan air di tangkiimbangan sebagaimana **Gambar 4.1** hingga **Gambar 4.7**.

**Gambar 4.1**  
**Sisa Server Komunikasi Yang Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tasik Kenyir  
Tarikh: 18 Februari 2014

**Gambar 4.2**  
**Peralatan Makmal Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tasik Kenyir  
Tarikh: 18 Februari 2014

**Gambar 4.3**  
Sebahagian *Dosing Pump* Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tasik Kenyir  
Tarikh: 18 Februari 2014

**Gambar 4.4**  
*Dissolve Air Flotation (DAF)* Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tasik Kenyir  
Tarikh: 18 Februari 2014

**Gambar 4.5**  
Kawasan Bangunan Jana Kuasa Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tasik Kenyir  
Tarikh: 28 Januari 2014

**Gambar 4.6**  
Bangunan Loji Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tasik Kenyir  
Tarikh: 28 Januari 2014



**Gambar 4.7**  
Tangki Imbangan Kekeringan Dan Meter Penunjuk Bacaan Air Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tasik Kenyir  
Tarikh: 18 Februari 2014

**ii. Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 26 Mac 2014:**

- Pembinaan Loji Rawatan Air Tasik Kenyir adalah berdasarkan keperluan perancangan pembangunan di sekitar Pengkalan Gawi pada ketika itu yang memerlukan pembinaan sebuah loji rawatan air baru bagi membekalkan air ke kawasan perancangan ini. Berdasarkan

kepada kecekapan operasi, SATU telah mengambil tindakan menutup operasi loji ini pada tahun 2007.

- Kerosakan peralatan–peralatan seperti peralatan makmal, server komunikasi, pengepam bahan kimia (*dosing pump*) dan *Dissolve Air Flotation* (DAF) tidak dapat dielakkan kerana peralatan-peralatan ini perlu diaktifkan dan beroperasi setiap masa.
- Persekitaran yang bersemak adalah kerana loji ini telah tidak aktif dan pihak SATU perlu memberi tumpuan perbelanjaan kepada loji-loji yang aktif.
- Loji Rawatan Air Tasik Kenyir boleh diaktifkan pada bila-bila masa dengan membaik pulih peralatan-peralatan yang sedia ada sekiranya terdapat permintaan bekalan dari kawasan berdekatan. Anggaran kos membaik pulih peralatan-peralatan ini adalah sejumlah RM2.50 juta.

#### 4.4.2.3. Pengurusan Kehilangan Air Tidak Berhasil

- a. Kehilangan air yang dirawat dan diproses boleh membawa kerugian kepada SATU kerana ia akan mengurangkan hasil pendapatan serta meningkatkan kos operasi. Kehilangan air ini boleh berlaku melalui kebocoran saluran paip utama, kecurian air dan penggunaan air yang tidak dibilkan. Sasaran kadar kehilangan air yang tidak berhasil (*Non Revenue Water - NRW*) yang ditetapkan SATU adalah 32%. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh SATU, didapati kedudukan kadar NRW dari tahun 2011 hingga 2013 di Negeri Terengganu adalah pada kedudukan antara 33.8% hingga 36.9% seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Kedudukan Kadar NRW Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Tahun	Kadar NRW SATU (%)	Kadar Sasaran Ditetapkan (%)	Kadar NRW Nasional (%)
1.	2011	36.9	35	36.1
2.	2012	36.4	32	35.9
3.	2013	33.8	32	35.7

Sumber: Rekod SATU- Laporan Pengurangan Paras NRW Tahun 2013 Dan Laporan SPAN-Kadar NRW Nasional

Nota: Kadar NRW Nasional (%) tahun 2013 dalam peringkat verifikasi oleh SPAN

- b. **Jadual 4.4** di atas menunjukkan kadar NRW bertambah baik dari tahun 2011 hingga 2013 dan telah mencatatkan penurunan tetapi masih lagi belum menepati sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun pada tahun 2013 kadar tersebut adalah lebih rendah daripada Kadar NRW Nasional iaitu 35.7%. Punca utama NRW tersebut adalah kehilangan air (*physical loss*) yang disebabkan kebocoran paip. Jumlah isipadu air NRW pula adalah di antara 77,015,000m<sup>3</sup> hingga 80,738,000m<sup>3</sup> melibatkan anggaran jumlah kos oleh SATU bagi mengeluarkan air bersih berkenaan bagi tempoh 3 tahun adalah RM127.88 juta seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5****Kos Pengeluaran Air Bersih Terlibat NRW Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Tahun	Kos Pengeluaran Per M <sup>3</sup> (RM)	Isipadu NRW (M <sup>3</sup> )	Jumlah Kos Pengeluaran (RM)
1.	2011	0.52	79,278,000	41,224,560
2.	2012	0.52	80,738,000	41,983,760
3.	2013	0.58	77,015,000	44,668,700
<b>Jumlah</b>				<b>127,877,020</b>

Sumber: Rekod SATU- Laporan Pengurangan Paras NRW Tahun 2013

Nota:- Kos pengeluaran per m<sup>3</sup> bagi tahun 2011 dan 2012 adalah berdasarkan kadar dinyatakan dalam Pelan Strategik SATU.

Kadar tahun 2013 adalah mengikut Laporan Pengurangan Paras NRW Tahun 2013.

- c. Kedudukan kadar NRW mengikut daerah pula menunjukkan Daerah Kuala Terengganu dan Marang mencatatkan kadar NRW yang tinggi iaitu masing-masing di antara 40.2% hingga 43.3% dan 51.9% hingga 58.1% pada tahun 2011 hingga 2013 seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6****Kedudukan Kadar NRW Mengikut Daerah Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Daerah	Kadar NRW SATU		
		2011 (%)	2012 (%)	2013 (%)
1.	Kuala Terengganu	40.5	43.3	40.2
2.	Marang	58.1	57.6	51.9
3.	Dungun	31.0	29.8	29.1
4.	Kemaman	24.5	25.4	25.7
5.	Hulu Terengganu	42.8	36.3	32.9
6.	Setiu	30.5	25.1	24.9
7.	Besut	35.1	31.1	25.0

Sumber: Rekod SATU- Laporan Pengurangan Paras NRW Tahun 2013

- d. Pihak Audit berpendapat pengurusan NRW perlu dipertingkatkan lagi supaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan mengambil tindakan yang lebih berkesan terutamanya di daerah Kuala Terengganu dan Marang supaya kadar NRW berada pada tahap yang ditetapkan bagi mengelak berlakunya kehilangan air yang boleh menyumbang kepada pengurangan hasil.
- e. **Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 26 Mac 2014, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kadar NRW di Daerah Marang dan Kuala Terengganu tinggi dan sukar dikawal.**
- i. **Meter Sempadan**

**Data-data NRW bagi Daerah Marang masih lagi diragui kerana air yang telah masuk ke dalam sistem agihan Marang disyaki keluar semula ke kawasan bacaan bil Daerah Kuala Terengganu.**

ii. **Penggunaan Paip Jenis *Asbestos Cement* (AC) Dalam sistem Agihan**

Sebahagian besar paip telah melewati usia 50 tahun. Kedudukan paip AC ini juga berada agak dalam di bawah tanah dan di bawah jalan raya. Ini menyebabkan kebocoran tidak sampai ke permukaan tanah dan tidak dapat dikesan dengan pencarian biasa (*visual*). Bagi menukarkan jajaran paip memerlukan kos yang tinggi.

iii. ***Point* Sambungan Ke Rumah Berkarat Dan Bocor**

Sambungan paip air telah berusia melebihi 50 tahun dan telah berkarat serta bocor dan menyumbang kepada *underground leaks* yang tak dapat dikesan secara biasa.

iv. **Paip Perhubungan Uzur Dan Berkarat**

Berdasarkan daripada rekod pembaikan bulanan hampir 99% aduan kebocoran terdiri daripada Paip GI lama dan *Polypipe*.

v. **Kebocoran Yang Tidak Dapat Dikesan**

Purata kebocoran yang tinggi bagi Daerah Kuala Terengganu dan Marang amat sukar dikesan kerana sebahagian besar kebocoran tidak timbul di permukaan tanah.

vi. **Aktiviti *Vandalism* Dan Kecurian**

Peralatan-peralatan SATU juga sering menjadi sasaran aktiviti *vandalism* dan dicuri.

#### **4.4.3. Perniagaan Peralatan Paip**

**4.4.3.1.** Selain menjual air bersih, SATU juga menjalankan perniagaan menjual peralatan paip seperti *meter stand*, paip *polyethylene aluminium composite* (PAC), *saddle*, *ferrule* dan lain-lain kelengkapan paip.

**4.4.3.2.** Secara keseluruhannya, prestasi perniagaan peralatan paip dari tahun 2009 hingga 2013 adalah baik kerana SATU berjaya memperolehi keuntungan pada setiap tahun. Kedudukan jualan dan untung kasar yang diraih adalah seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Kedudukan Jualan Dan Untung Kasar**

Perkara	Tahun				
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013* (RM)
Jualan	2,674,942	3,021,856	3,701,446	4,732,739	4,196,336
Peningkatan Jualan	-	346,914	679,590	1,031,293	-536,403
Untung Kasar	21,818	96,218	1,491,342	469,875	650,313
Peningkatan/Penurunan Untung Kasar	-	74,400	1,395,124	-1,021,467	180,438

Sumber: Penyata Kewangan SATU

Nota: \* Akaun belum beraudit

**4.4.3.3. Jadual 4.7** di atas menunjukkan jualan peralatan paip meningkat masing-masing sebanyak 13%, 22% dan 27.9% pada tahun 2010, 2011 dan 2012 berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, jualan tahun 2013 (belum beraudit) menurun sejumlah RM0.54 juta (11.3%) kepada RM4.20 juta berbanding jualan tahun 2012. Manakala dari segi keuntungan, SATU mencatatkan untung kasar tertinggi dan agak luar biasa pada tahun 2011 sejumlah RM1.40 juta iaitu peningkatan sebanyak 1,449% berbanding untung kasar tahun 2010 berjumlah RM74,400 sahaja. Peningkatan ini berlaku kerana kesilapan di dalam pengiraan stok akhir yang menyebabkan nilai stok tersebut terlebih nyata. Bagaimanapun, jumlah untung kasar pada tahun 2012 menurun sejumlah RM1.02 juta (68.5%) kepada RM469,875 walaupun SATU mencatatkan peningkatan dalam jumlah jualan sejumlah RM1.03 juta (27.9%) berbanding tahun 2011. Manakala pada tahun 2013, untung kasar meningkat sejumlah RM180,438 (38.4%) kepada RM650,313 walaupun jumlah jualan menurun sejumlah RM536,403 (11.3%) berbanding tahun 2012. Pihak Audit tidak dapat menentukan pencapaian sebenar berbanding sasaran kerana tiada sasaran yang disediakan oleh SATU.

#### **4.4.4. Pelaburan Dalam Syarikat**

**4.4.4.1.** Dalam usaha mencari peluang perniagaan dan menambah pendapatan, SATU telah membuat pelaburan di dalam sebuah syarikat yang menjalankan projek pembotolan air. SATU telah membuat pelaburan berjumlah RM690,000 melalui sijil pelaburan seperti di **Jadual 4.8**. Semakan Audit mendapati tiada sebarang pulangan atau keuntungan yang diterima oleh SATU sejak tahun 2004. Mesyuarat Lembaga Pengarah kali ke 2/2010 pada 14 April 2010 telah membuat keputusan untuk melupuskan pegangan saham dalam syarikat tersebut. SATU telah membuat pelupusan pada tahun 2011 dan mengalami kerugian berjumlah RM690,000.

**Jadual 4.8**  
**Bilangan Saham Yang Dilaburkan Di Dalam Sebuah Syarikat**

Tarikh	Nombor Sijil	Bilangan Saham (Unit)	Jumlah (RM)
18.02.2004	021	100,000	100,000
18.02.2004	022	100,000	100,000
18.02.2004	023	100,000	100,000
18.02.2004	024	100,000	100,000
18.02.2004	025	100,000	100,000
18.02.2004	026	100,000	100,000
23.01.2006	028	90,000	90,000
<b>Jumlah</b>		<b>690,000</b>	<b>690,000</b>

Sumber: Rekod SATU

**4.4.4.2. Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 9 Mac 2014, tindakan membuat pelaburan di dalam syarikat telah dibawa dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah SATU kali ke 2/2003. Keputusan ini dibuat berdasarkan jangkaan keuntungan yang akan diterima dari pelaburan. Walau bagaimanapun, SATU telah membuat keputusan untuk menarik diri dari pelaburan ini setelah mendapati pelaburan dalam usaha sama ini banyak menimbulkan pertikaian.** Pihak Audit berpendapat, tindakan menarik diri dari pelaburan ini adalah satu tindakan yang baik bagi memastikan kerugian tidak bertambah teruk.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti adalah memuaskan kerana perniagaan air bersih dan perniagaan paip air menunjukkan keuntungan dan trend kadar NRW yang semakin menurun. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan di mana peralatan dan bangunan loji yang terbiar akibat penutupan Loji Rawatan Air dan kerugian dalam pelaburan.

#### **4.4.5. Tadbir Urus Korporat**

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat merangkumi kawalan pengurusan syarikat, sistem dan prosedur. Peraturan dan panduan berkaitan pelantikan, kuasa, peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah ada dinyatakan dalam Akta Syarikat 1965 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (semakan 2012) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat mendapati:

##### **4.4.5.1. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun atau sebagaimana yang ditentukan oleh

pengerusinya. Pemeriksaan Audit mendapati SATU telah menubuhkan Jawatankuasa Audit pada bulan April 2010 dan mempunyai Unit Audit Dalam untuk mengawal sistem kawalan dalaman mereka. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2012 dan satu kali pada tahun 2013. **Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 26 Mac 2014, Pengerusi Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan SATU adalah YB Pegawai Kewangan Negeri. Jadual tahunan bagi mesyuarat jawatankuasa ini telah ditetapkan lebih awal tetapi sering ditangguhkan kerana kesibukan pengerusi dan ahli jawatankuasa. Pihak SATU telah berusaha untuk memastikan mesyuarat ini diadakan sebagaimana jadual yang telah ditetapkan.**

#### **4.4.5.2. Pelarasan Hutang Dengan Kerajaan Negeri Belum Mendapat Kelulusan**

Pemindahan hutang syarikat dengan kerajaan negeri kepada saham berbayar hendaklah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Terengganu terlebih dahulu. Semakan Audit mendapati sejumlah RM50.0 juta telah dipindahkan daripada hutang dengan Kerajaan Negeri Terengganu kepada saham berbayar pada tahun 2012. Saham yang dipindahkan tersebut atas nama TISB iaitu Syarikat Induk bagi SATU. Pihak syarikat telah memohon untuk mendapat kelulusan ke atas pemindahan ini kepada Pegawai Kewangan Negeri pada 6 Januari 2013 tetapi sehingga ke tarikh laporan ini ditulis belum lagi mendapat kelulusan. **Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 26 Mac 2014, SATU telah meminta Pejabat Perbendaharaan Negeri untuk mengemukakan kertas cadangan ini untuk pengesahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Pejabat Perbendaharaan Negeri tidak mengemukakan kertas berkenaan sehingga sekarang.**

#### **4.4.5.3. Bayaran Sewa Pajak Tidak Mematuhi Perjanjian**

Mengikut perjanjian tambahan pengkorporatan Bekalan Air Negeri Terengganu antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan SATU di mana SATU hendaklah membayar sewa pajak sejumlah RM30.0 juta setahun dan dibayar 3 kali setahun atau setiap 4 bulan. Semakan Audit mendapati SATU telah membuat bayaran pada tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing RM25.0 juta setahun. Pihak Audit difahamkan oleh pegawai SATU, kekurangan bayaran tersebut adalah untuk menggunakan tunai bagi perjalanan aktiviti syarikat. Kesannya hutang SATU kepada Kerajaan Negeri Terengganu semakin bertambah. Tiada bukti kekurangan bayaran tersebut mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Terengganu kerana tiada surat kelulusan mengenainya. **Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 26 Mac 2014, SATU sedar bahawa SATU perlu membayar bayaran pajakan aset kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM30.0 juta setahun. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2011 SATU membayar sejumlah RM25.0 juta setahun. Tindakan ini diambil bagi memastikan aliran tunai syarikat mampu menampung keperluan perbelanjaan operasi dan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna.**



#### 4.4.5.4. Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010 menghendaki syarat *integrity pact* dilaksanakan bagi pembida, Ahli Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan dan kakitangan serta penjawat awam yang terlibat di dalam urusan perolehan kerajaan. Semakan Audit mendapati SATU telah melaksanakan *integrity pact* bagi pembida di dalam urusan perolehannya. Walau bagaimanapun, syarat *integrity pact* tersebut tidak dilaksanakan terhadap semua pegawai dan kakitangan serta ahli Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Tender yang terlibat dalam urusan perolehan SATU. **Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 9 Mac 2014, pematuhan terhadap *integrity pact* dalam perolehan akan dibuat di masa akan datang.**

#### 4.4.5.5. Kelemahan Dalam Pengurusan Aset

Kawalan pengurusan aset merupakan satu elemen penting dalam pengurusan syarikat bagi menentukan aset yang diperolehi telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Selain itu, aset dan inventori yang tidak lagi dipakai dan diperlukan hendaklah dilupuskan mengikut kaedah-kaedah dan peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap pengurusan aset mendapati perkara seperti berikut:

- a. Kebanyakan aset tidak dicatat dengan nombor siri pendaftaran sebagai langkah kawalan dalaman serta memudahkan pengesanan aset tersebut oleh pihak SATU. Bagaimanapun, aset tersebut telah dilabelkan hak milik SATU.
- b. Buku Stok untuk merekod *Liquid Chlorine* dan *Liquid Alum* di Loji Rawatan Air Kepong II tidak diselenggarakan.
- c. Sebanyak 2,896 meter Paip HDPE bernilai RM746,791 yang tidak digunakan belum lagi dilupuskan. Perolehan paip tersebut dibuat antara tahun 1993 hingga 1998. Permohonan pelupusan kepada Jabatan Bekalan Air Terengganu telah dibuat sejak 2006 tetapi belum mendapat kelulusan. Paip yang dimaksudkan seperti **Gambar 4.8**. Selain itu, terdapat meter air lama dan peralatan pejabat yang belum dilupuskan seperti di **Gambar 4.9** dan **Gambar 4.10**. Barang yang tidak dilupuskan ini telah menyempit ruang untuk penyimpanan dan terdedah kepada penurunan nilai yang merugikan syarikat.

**Gambar 4.8**  
**Paip HDPE Yang Belum Dilupuskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor SATU Dungun  
Tarikh: 27 Januari 2014

**Gambar 4.9**  
**Peralatan Pejabat Belum Dilupuskan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor SATU Gong Badak  
Tarikh: 21 Januari 2014



**Gambar 4.10**  
**Meter Air Lama Belum Dilupuskan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor SATU Gong Badak  
Tarikh: 21 Januari 2014

- d. **Berdasarkan maklum balas SATU bertarikh 26 Mac 2014,**
- i. **Kebanyakan aset SATU masih lagi belum dibuat nombor siri pendaftaran.**
  - ii. **Tagging akan diberi tumpuan pada tahun ini meliputi ibu pejabat dan Daerah Kuala Terengganu.**
  - iii. **Tindakan pelupusan bagi meter-meter air dan peralatan komputer telah pun dipersetujui untuk dilupuskan.**
  - iv. **Pengurusan SATU telah mengambil tindakan serta merta menyelenggarakan buku stok bagi bahan kimia yang tidak direkodkan.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat adalah memuaskan. Bagaimanapun, berlakunya bayaran sewa pajak tidak mematuhi perjanjian, pemindahan hutang dengan Kerajaan Negeri kepada saham berbayar belum mendapat kelulusan kerajaan negeri Terengganu dan kelemahan dalam pengurusan aset.

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan tindakan berikut diambil:

**4.5.1.** SATU hendaklah membuat penjagaan dan pemeliharaan terhadap loji rawatan air Tasik Kenyir dan peralatannya untuk mengelakkan ianya terbiar dan mengalami kerosakan.

**4.5.2.** SATU sepatutnya mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu untuk memindahkan hutang kepada saham berbayar dan persetujuan kerajaan untuk pengurangan bayaran hutang pada setiap tahun dan perlu mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

**4.5.3.** SATU perlu mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan semua aset yang usang diambil tindakan pelupusan mengikut peraturan sedia ada.





---

PENUTUP



Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembedulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembedulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembedulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**7 Mei 2014**

